




JABATAN AUDIT NEGARA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI DAN
PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI

SELANGOR

TAHUN 2018



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI SELANGOR
TAHUN 2018**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

| | |
|---|--------|
| PENDAHULUAN | vii |
| RINGKASAN EKSEKUTIF | xi |
| BAHAGIAN I | |
| PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN | |
| NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 | |
| Pendahuluan | 1 – 3 |
| Objektif dan Metodologi Pengauditan | 1 – 4 |
| Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 | 1 – 5 |
| BAHAGIAN II | |
| ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI | |
| Latar Belakang | 2 – 3 |
| Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri | 2 – 3 |
| Penyata Prestasi Kewangan | 2 – 3 |
| Kumpulan Wang Disatukan | 2 – 4 |
| Wang Awam | 2 – 6 |
| Akaun Hasil Disatukan | 2 – 8 |
| Akaun Pinjaman Disatukan | 2 – 23 |
| Akaun Amanah Disatukan | 2 – 24 |
| Penyata Akaun Memorandum | 2 – 41 |
| Nota Kepada Penyata Kewangan | 2 – 51 |
| Rumusan Audit | 2 – 56 |
| Syor Audit | 2 – 57 |
| BAHAGIAN III | |
| PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA | |
| KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI | |
| Pendahuluan | 3 – 3 |
| Pengauditan Penyata Kewangan | 3 – 3 |
| Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan | 3 – 4 |
| Pemakaian Piawai Perakaunan | 3 – 5 |
| Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan | 3 – 6 |
| Pembentangan Penyata Kewangan | 3 – 10 |
| Analisis Prestasi Kewangan | 3 – 11 |
| Bidang Utama Audit | 3 – 23 |
| Rumusan Audit | 3 – 25 |
| Syor Audit | 3 – 26 |

BAHAGIAN IV
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

| | |
|---|-------|
| Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri | 4 – 3 |
| Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri | 4 – 3 |

| | |
|----------------|-------|
| PENUTUP | 5 – 3 |
|----------------|-------|

LAMPIRAN

| | | |
|--------------|---|--------|
| Lampiran I | - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri | 6 – 3 |
| Lampiran II | - Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan Bendahari Negeri Selangor | 6 – 7 |
| Lampiran III | - Penyata Kedudukan Kewangan | 6 – 8 |
| Lampiran IV | - Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai | 6 – 9 |
| Lampiran V | - Penyata Prestasi Kewangan | 6 – 10 |
| Lampiran VI | - Penyata Akaun Memorandum | 6 – 11 |
| Lampiran VII | - Nota Kepada Penyata Kewangan | 6 – 12 |

| | |
|----------------|-------|
| AKRONIM | 7 – 3 |
|----------------|-------|

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenalkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor akan memperkenalkan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Selangor.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2018 ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan dan Prestasi Penyata Kewangan Agensi Negeri; dan
 - iv. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Perbendaharaan Negeri serta beberapa Jabatan Negeri sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2018 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan/agensi Negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
24 Oktober 2019



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara menyeluruh pada akhir tahun 2018, di samping membantu kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

BAHAGIAN I Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Bagaimanapun dalam perenggan Hal-hal Lain Laporan Ketua Negara, terdapat kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan kesilapan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan yang tidak menjejaskan angka kepada Penyata Kewangan. Kesilapan material melibatkan perbezaan bagi Kurangan dalam Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM18.45 juta dan perbezaan bagi Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM4.19 juta telah dipinda sewajarnya.

BAHAGIAN II Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- Kerajaan Negeri Selangor memperoleh hasil berjumlah RM1.999 bilion iaitu menurun sejumlah RM811.58 juta (28.9%) berbanding tahun 2017 berjumlah RM2.810 bilion.
- Hasil kerajaan negeri terdiri daripada Hasil Cukai (RM654.54 juta atau 32.8%), Hasil Bukan Cukai (RM1.061 bilion atau 53.1%), Terimaan Bukan Hasil (RM282.46 juta atau 14.1%).

- Semua kategori hasil menunjukkan penurunan kecuali Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai pada tahun 2018 berjumlah RM654.54 juta (2017: RM666.38 juta) menurun sejumlah RM11.84 juta atau 1.8%.
- Hasil Bukan Cukai pada tahun 2018 adalah berjumlah RM1.061 bilion iaitu menurun RM867.59 juta atau 45.0%. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kutipan premium geran tanah telah menyusut sebanyak RM918.70 juta akibat pengurangan permohonan pembangunan terutamanya projek mega atas faktor ekonomi semasa.
- Terimaan Bukan Hasil tahun 2018 adalah berjumlah RM282.46 juta iaitu meningkat RM67.85 juta atau 31.6%. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh Pemberian Pertambahan Hasil yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berjumlah RM34.20 juta serta Pelbagai Hasil Tahun Lalu melalui jurnal pelarasan kod hasil akaun penyelesaian bendahari berjumlah RM13.33 juta.
- Pada tahun 2018, perbelanjaan mengurus kerajaan negeri adalah berjumlah RM2.617 bilion yang merupakan 85.4% daripada peruntukan diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor berjumlah RM3.065 bilion. Perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya menurun sejumlah RM560.87 juta (17.6%) daripada RM3.178 bilion pada tahun 2017 kepada RM2.617 bilion pada tahun 2018.
- Perbelanjaan mengurus sebahagian besar digunakan bagi maksud Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (RM1.631 bilion atau 62.3%), Perkhidmatan dan Bekalan (RM483.62 juta atau 18.4%) dan Perbelanjaan Emolumen (RM448.48 juta atau 17.1%).
- Semua maksud perbelanjaan mengurus menunjukkan penurunan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM1.631 bilion menunjukkan penurunan tertinggi iaitu sebanyak RM517.20 juta atau 24.1%. Penurunan ini disebabkan antaranya pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan yang berjumlah RM1.427 bilion berbanding tahun 2017 berjumlah RM1.593 bilion serta pertambahan siling Kumpulan Wang Pinjaman Negeri Selangor bagi tahun 2018 berjumlah RM50 juta berbanding RM110 juta pada tahun 2017.
- Pada tahun 2018, perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM1.422 bilion iaitu menurun sejumlah RM203.20 juta atau 12.5%

berbanding RM1.625 bilion pada tahun 2017.

- Kerajaan Negeri mencatat defisit di Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM619.27 juta pada tahun 2018 berbanding defisit berjumlah RM368.56 juta pada tahun 2017. Defisit ini disebabkan kesan daripada penurunan hasil sejumlah RM811.58 juta melebihi penurunan perbelanjaan sejumlah RM560.87 juta.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM107.33 juta (9%) iaitu dari RM1.188 bilion pada tahun 2017 kepada RM1.295 bilion pada tahun 2018. Peminjam terdiri daripada Badan-Badan Lain (RM1.136 bilion atau 87.8%), Pihak Berkuasa Tempatan (RM86.31 juta atau 6.7%) dan Badan Berkanun Negeri (RM72 juta atau 5.6%).
- Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut juga meningkat sejumlah RM428.01 juta (549.4%) dari RM77.90 juta kepada RM505.91 juta disebabkan Kumpulan Darul Ehsan Berhad tidak dapat menjelaskan baki pinjaman beserta faedah sejumlah RM424.73 juta pada tahun 2018 seperti mana yang dijadualkan.
- Pada tahun 2018, Hutang Awam telah mencatatkan penurunan sejumlah RM17.54 juta (1.6%) kepada RM1.103 bilion berbanding RM1.121 bilion pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan jumlah terimaan wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM17.68 juta pada tahun 2018 untuk membiayai projek bekalan air telah berkurangan sejumlah RM34.40 juta berbanding tahun 2017 serta bayaran balik hutang yang telah dibuat berjumlah RM11.95 juta.

BAHAGIAN III

Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- Secara keseluruhannya, setakat 30 September 2019, sebanyak 14 penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, satu (1) diberi Pendapat Tanpa Teguran berdasarkan *Emphasis of Matter* dan empat (4) Pendapat Berteguran. Empat (4) agensi yang diberi Pendapat Berteguran ialah Kumpulan Wang Hospital Tai Wa, Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria, Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Manakala bagi tujuh (7) penyata kewangan agensi masih belum disahkan iaitu dua (2) penyata kewangan BBN dan

lima (5) penyata kewangan PBT.

- Pada keseluruhannya, prestasi kewangan sembilan (9) Badan Berkanun Negeri dan MAI adalah baik memandangkan lebih pendapatan terkumpul dan aset semasa bersih masing-masing meningkat sebanyak 5.7% dan 2.5% berbanding tahun 2017 walaupun lebih pendapatan semasa berkurang sejumlah RM151.02 juta.
- Prestasi kewangan secara keseluruhan 12 Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2018 adalah baik memandangkan terdapat peningkatan lebih sebanyak 67.7% serta aset semasa bersih dan hasil cukai taksiran masing-masing meningkat sebanyak 10.8% dan 3.8%.
- Secara keseluruhannya, pematuhan agensi terhadap bidang utama audit (*key audit areas*) yang telah ditetapkan adalah memuaskan. Terdapat isu ketara berkenaan pengiktirafan geran dari segi pematuhan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa serta merekodkan transaksi dalam tempoh perakaunan yang betul.

BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

FAKTA UTAMA PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

| | | |
|---|---|--|
| 1.01.2018 - 31.12.2018 Tahun kewangan kerajaan negeri | 31 Julai 2019 Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit | 1 Februari 2019 Tarikh penyerahan penyata kewangan |
| Komponen Penyata Kewangan | <ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan | |
| Jenis Pendapat Audit | Pendapat Tanpa Teguran | |

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 pada 1 Februari 2019. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2018 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Laporan Bendahari, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh kerajaan negeri, Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan

mengurus dan perbelanjaan pembangunan dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2018. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan kerajaan negeri. Aset kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala tanggungan kerajaan negeri pula terdiri daripada hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.2.5. Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan dasar perakaunan, nota penjelasan dan maklumat lain yang perlu didedahkan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Selain itu, *Exit Conference* bersama YB Pegawai Kewangan Negeri dan ketua jabatan serta agensi kerajaan negeri telah diadakan pada 28 Mei 2019.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Bagaimanapun dalam perenggan Hal-hal Lain Laporan Ketua Negara, terdapat kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan kesilapan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan yang tidak menjejaskan angka kepada Penyata Kewangan. Kesilapan material melibatkan perbezaan bagi Kurangan dalam Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM18.45 juta dan perbezaan bagi Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM4.19 juta telah dipinda sewajarnya. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

| PRESTASI KEWANGAN | KUMPULAN WANG DISATUKAN | AKAUN MEMORANDUM |
|--|---|--|
| <p>↓ HASIL</p> <p>2018 – RM1.999 bilion 2017 – RM2.810 bilion</p> | <p>↓ AKAUN HASIL DISATUKAN</p> <p>2018 – RM463.09 juta 2017 – RM1.082 bilion</p> | <p>↑ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT</p> <p>2018 – RM1.295 bilion 2017 – RM1.188 bilion</p> |
| <p>↓ BELANJA</p> <p>2018 – RM2.768 bilion 2017 – RM3.218 bilion</p> | <p>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</p> <p>2018 - RM0 2017 - RM0</p> | <p>PELABURAN</p> <p>2018 – RM191.10 juta 2017 – RM191.10 juta</p> |
| | <p>↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN</p> <p>2018 – RM1.672 bilion 2017 – RM1.756 bilion</p> | <p>↓ HUTANG AWAM</p> <p>2018 – RM1.103 bilion 2017 – RM1.121 bilion</p> |

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang dana di mana jumlah hasil dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya dalam sesuatu tahun kewangan. Bagi tahun 2018,

sumber dana kerajaan negeri berjumlah RM1.999 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Dana ini digunakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM2.768 bilion. Pada akhir tahun 2018, kerajaan negeri mencatat defisit dana berjumlah RM769.27 juta berbanding defisit dana berjumlah RM407.64 juta pada akhir tahun 2017. Peningkatan defisit sebanyak RM361.63 juta (88.7%) disebabkan oleh penurunan hasil sejumlah RM811.58 juta. Kedudukan prestasi kewangan kerajaan negeri bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|--|-------------------|-------------------|----------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| JUMLAH HASIL | 1,998.52 | 2,810.10 | -811.58 | -28.9 |
| (-) Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) | 1,340.79 | 1,585.99 | -245.20 | -15.5 |
| (-) Belanja Pembangunan | 1,427.00 | 1,631.75 | -204.75 | -12.5 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 2,767.79 | 3,217.74 | -449.95 | -14.0 |
| DEFISIT | -769.27 | -407.64 | -361.63 | -88.7 |
| Dibiayai oleh: | | | | |
| Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri | 17.68 | 52.08 | -34.40 | -66.1 |
| Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan | 19.89 | 19.87 | 0.02 | 0.1 |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | 731.70 | 335.69 | 396.01 | 118.0 |
| JUMLAH PEMBIAYAAN | 769.27 | 407.64 | 361.63 | 88.7 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM2.135 bilion. Jumlah ini merupakan baki terkumpul bagi tiga (3) akaun, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan menurun sejumlah RM703.44 juta kepada RM2.135 bilion pada tahun 2018 berbanding RM2.839 bilion pada tahun 2017. Penurunan ini adalah kesan penurunan baki Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM619.27 juta, penurunan baki Kumpulan Wang Amanah Awam sejumlah RM109.99 juta dan penurunan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM66.40 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Selangor pada akhir tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|--|-------------------|-------------------|----------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Akaun Hasil Disatukan | 463.09 | 1,082.36 | -619.27 | -57.2 |
| Akaun Pinjaman Disatukan | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada: | 1,672.28 | 1,756.45 | -84.17 | -4.8 |
| a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 904.75 | 971.15 | -66.40 | -6.8 |
| <i>i. Kumpulan Wang Pembangunan</i> | <i>41.44</i> | <i>157.81</i> | <i>-116.37</i> | <i>-73.7</i> |
| <i>ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan</i> | <i>18.42</i> | <i>24.47</i> | <i>-6.05</i> | <i>-24.7</i> |
| <i>iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> | <i>821.42</i> | <i>769.33</i> | <i>52.09</i> | <i>6.8</i> |
| <i>iv. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan</i> | <i>23.47</i> | <i>19.54</i> | <i>3.93</i> | <i>20.1</i> |
| b. Kumpulan Wang Amanah Awam | 423.29 | 533.28 | -109.99 | -20.6 |
| c. Akaun Deposit | 344.24 | 252.02 | 92.22 | 36.6 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 2,135.37 | 2,838.81 | -703.44 | -24.8 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017


4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat daripada RM3.201 bilion pada tahun 2014 kepada RM3.259 bilion pada tahun 2015 sebelum menurun pada tahun 2016 hingga 2018 kepada RM3.051 bilion dan RM2.135 bilion. Baki Akaun Hasil Disatukan meningkat daripada RM1.202 bilion pada tahun 2014 kepada RM1.596 bilion pada tahun 2015 sebelum menurun pada tahun 2016 hingga 2018 kepada RM1.451 bilion dan RM463.09 juta. Manakala Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar dari tahun 2014 hingga 2018. Sementara itu, baki Akaun Amanah Disatukan menurun daripada RM1.999 bilion pada tahun 2014 kepada RM1.600 bilion pada tahun 2016 dan meningkat semula pada tahun 2017 tetapi menurun kepada RM1.672 bilion pada tahun 2018.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2014 HINGGA 2018

| BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|--|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Akaun Hasil Disatukan | 1,202.34 | 1,595.58 | 1,450.92 | 1,082.36 | 463.09 |
| Akaun Pinjaman Disatukan | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada: | 1,998.56 | 1,663.03 | 1,600.28 | 1,756.45 | 1,672.28 |
| a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 1,548.89 | 1,237.99 | 1,140.90 | 971.15 | 904.75 |
| <i>i. Kumpulan Wang Pembangunan</i> | <i>173.66</i> | <i>128.84</i> | <i>128.84</i> | <i>157.81</i> | <i>41.44</i> |
| <i>ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan</i> | <i>40.14</i> | <i>45.64</i> | <i>5.13</i> | <i>24.47</i> | <i>18.42</i> |
| <i>iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> | <i>1,323.51</i> | <i>1,047.88</i> | <i>991.30</i> | <i>769.33</i> | <i>821.42</i> |
| <i>iv. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan</i> | <i>11.58</i> | <i>15.63</i> | <i>15.63</i> | <i>19.54</i> | <i>23.47</i> |
| b. Kumpulan Wang Amanah Awam | 355.92 | 326.90 | 321.90 | 533.28 | 423.29 |
| c. Akaun Deposit | 93.75 | 98.14 | 137.48 | 252.02 | 344.24 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 3,200.90 | 3,258.61 | 3,051.20 | 2,838.81 | 2,135.37 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai dan Pelaburan

5.1.1. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2018 berjumlah RM2.135 bilion terdiri daripada aset berbentuk wang tunai dan pelaburan masing-masing berjumlah RM417.54 juta dan RM1.718 bilion. **Jadual 4** menunjukkan kedudukan wang tunai dan pelaburan pada akhir tahun 2017 dan 2018. Bagi kedua-dua tahun 2017 dan 2018, komponen terbesar dalam pelaburan adalah Deposit Dalam Negeri (Simpanan Tetap melebihi tempoh tiga (3) bulan) masing-masing berjumlah RM1.176 bilion dan RM736 juta. Perkara ini selaras dengan Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957 yang membolehkan kerajaan negeri melabur lebih wang dalam deposit di bank dan institusi kewangan serta saham.

JADUAL 4
KEDUDUKAN WANG TUNAI DAN PELABURAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| WANG TUNAI | | | | |
| 1. Wang Tunai Dalam Bank | 413.16 | 718.83 | -305.67 | -42.5 |
| 2. Wang Tunai Dalam Perjalanan | 0.72 | 2.61 | -1.89 | -72.4 |
| 3. Wang Tunai Dalam Tangan | 3.66 | 3.66 | 0.00 | 0.0 |
| WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER | 417.54 | 725.10 | -307.56 | -42.4 |

| BUTIRAN | | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|-------------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|--------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| PELABURAN | | | | | |
| Pelaburan Kumpulan Wang Amanah * | | | | | |
| 1. | Tabung Warisan Negeri Selangor | 607.66 | 578.90 | 28.76 | 5.0 |
| 2. | Tabung Amanah Bencana Alam | 62.42 | 60.71 | 1.71 | 2.8 |
| 3. | Tabung Amanah Warisan Anak Selangor | 39.34 | 25.69 | 13.65 | 53.1 |
| JUMLAH | | 709.42 | 665.30 | 44.12 | 6.6 |
| PELABURAN AM ** | | | | | |
| 1. | Saham | 262.41 | 262.41 | 0.00 | 0.0 |
| 2. | Deposit Dalam Negeri | 736.00 | 1,176.00 | -440.00 | -37.4 |
| 3. | Jaminan Bank Pertanian Malaysia | 10.00 | 10.00 | 0.00 | 0.0 |
| JUMLAH | | 1,008.41 | 1,448.41 | -440.00 | -30.4 |
| PELABURAN PADA 31 DISEMBER | | 1,717.83 | 2,113.71 | -395.88 | -18.7 |
| KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA 31 DISEMBER | | 2,135.37 | 2,838.81 | -703.44 | -24.8 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

Nota: (*) - Pelaburan lebihan dana kumpulan wang/akaun amanah selaras dengan Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957) serta peraturan yang berkuat kuasa

(**) - Pelaburan lebihan dana Kumpulan Wang Disatukan

5.1.2. Berdasarkan **Jadual 4** di atas, analisis perbandingan kedudukan wang tunai dan pelaburan pada akhir tahun 2017 dan 2018 menunjukkan penurunan sejumlah RM703.44 juta disebabkan perkara seperti berikut:

- a. Baki wang tunai menunjukkan penurunan sejumlah RM307.56 juta (42.4%) daripada RM725.10 juta pada tahun 2017 kepada RM417.54 juta pada tahun 2018. Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan penurunan ketara sejumlah RM305.67 juta (42.5%) iaitu daripada RM718.83 juta pada tahun 2017 kepada RM413.16 juta pada tahun 2018. Penurunan ini disebabkan tunai digunakan bagi menampung perbelanjaan bagi tahun 2018 kerana kutipan hasil yang tidak memberangsangkan. Manakala Baki Wang Tunai Dalam Tangan tidak menunjukkan perubahan.
- b. Pelaburan menggunakan dana Tabung Warisan Negeri Selangor, Tabung Amanah Bencana Alam dan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor meningkat sejumlah RM44.12 juta (6.6%) menjadi RM709.42 juta pada tahun 2018 berbanding RM665.30 juta pada tahun 2017. Pelaburan dibuat dalam bentuk simpanan tetap, deposit jangka pendek, unit saham amanah, mandat pengurusan dana dan saham syarikat swasta yang antaranya terdiri daripada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.
- c. Deposit Dalam Negeri yang merupakan salah satu komponen Pelaburan Am menunjukkan penurunan sejumlah RM440 juta (37.4%) iaitu daripada

RM1.176 bilion pada tahun 2017 kepada RM736 juta pada tahun 2018. Penurunan ini disebabkan pencairan simpanan tetap yang telah matang untuk keperluan tunai bagi menampung perbelanjaan kerajaan negeri dalam tahun kewangan 2018. Hal ini secara langsung menyebabkan jumlah dana pelaburan kerajaan negeri menurun sejumlah RM395.88 juta daripada RM2.114 bilion pada tahun 2017 menjadi RM1.718 bilion pada tahun 2018. Pada tahun 2018 faedah yang diterima oleh kerajaan negeri hasil daripada pelaburan yang dibuat dalam pelaburan Deposit Dalam Negeri juga telah menurun sejumlah RM14.26 juta (14.7%) iaitu daripada RM97.01 juta pada tahun 2017 kepada RM82.75 juta. Penurunan pulangan faedah disebabkan kadar yang diterima lebih rendah berikutan peletakan pelaburan dalam simpanan tetap jangka masa pendek bagi memastikan kecairan yang tinggi pada tempoh sasaran tunai diperlukan.

5.1.3. Analisis trend kedudukan pelaburan kerajaan negeri bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018 mendapati jumlah pelaburan menunjukkan penurunan setiap tahun seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN TAHUN 2014 HINGGA 2018

| BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|--------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Pelaburan Kumpulan Wang Amanah | 473.14 | 534.25 | 604.48 | 665.30 | 709.42 |
| Pelaburan Am | 2,643.41 | 2,489.41 | 2,396.41 | 1,448.41 | 1,008.41 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 3,116.55 | 3,023.66 | 3,000.89 | 2,113.71 | 1,717.83 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan semua urusan niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan bagi satu (1) tahun kewangan.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan defisit di Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM619.27 juta berbanding defisit pada tahun 2017 berjumlah RM368.56 juta dengan peningkatan defisit sejumlah RM250.71 juta (68%). Hal ini disebabkan kesan daripada penurunan hasil sejumlah RM811.58 juta melebihi penurunan perbelanjaan sejumlah RM560.87 juta (17.6%). Dengan mengambil kira defisit ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan tahun 2018 berkurangan menjadi RM463.09 juta berbanding RM1.082 bilion pada tahun 2017. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

DEFISIT
AKAUN HASIL
2018
RM619.27 juta
2017
RM368.56 juta

JADUAL 6
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 1,082.36 | 1,450.92 | -368.56 | -25.4 |
| Hasil | 1,998.52 | 2,810.10 | -811.58 | -28.9 |
| Perbelanjaan Mengurus* | 2,617.79 | 3,178.66 | -560.87 | -17.6 |
| DEFISIT | -619.27 | -368.56 | -250.71 | -68.0 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 463.09 | 1,082.36 | -619.27 | -57.2 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

Nota: (*) - Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Pembangunan Hutan Berjumlah RM1.277 bilion

6.3. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7**. Analisis Audit menunjukkan dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan, kerajaan negeri telah mencatat lebih pada tahun 2014 dan 2015 tetapi defisit pada tahun 2016, 2017 dan 2018.

JADUAL 7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN TAHUN 2014 HINGGA 2018

| BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Baki Pada 1 Januari | 1,090.40 | 1,202.34 | 1,595.58 | 1,450.92 | 1,082.36 |
| Hasil | 2,225.08 | 2,527.69 | 2,499.66 | 2,810.10 | 1,998.52 |
| Perbelanjaan Mengurus | 2,113.14 | 2,134.45 | 2,644.32 | 3,178.66 | 2,617.79 |
| LEBIHAN/DEFISIT | 111.94 | 393.24 | -144.66 | -368.56 | -619.27 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 1,202.34 | 1,595.58 | 1,450.92 | 1,082.36 | 463.09 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

6.4. Hasil

6.4.1 Akaun Hasil Disatukan mengandungi tiga (3) kategori hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2018, kutipan hasil sebenar berjumlah RM1.999 bilion berkurang sejumlah RM251.48 juta (88.8%) berbanding anggaran hasil berjumlah RM2.250 bilion adalah seperti dalam **Jadual 8**.

KUTIPAN HASIL
2018
RM1.999 bilion
2017
RM2.810 bilion
PENURUNAN
RM811.58 juta

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN TAHUN 2018

| JENIS HASIL | ANGGARAN (RM Juta) | HASIL SEBENAR (RM Juta) | PERUBAHAN (RM Juta) | PENCAPAIAN (%) |
|----------------------|-----------------------|-------------------------------|------------------------|-------------------|
| Hasil Cukai | 642.75 | 654.54 | 11.79 | 101.8 |
| Hasil Bukan Cukai | 1,393.62 | 1,061.52 | -332.10 | 76.2 |
| Terimaan Bukan Hasil | 213.63 | 282.46 | 68.83 | 132.2 |
| JUMLAH | 2,250.00 | 1,998.52 | -251.48 | 88.8 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018


6.4.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 adalah berjumlah RM1.999 bilion menurun sejumlah RM811.58 juta (28.9%) berbanding tahun 2017 berjumlah RM2.810 bilion seperti dalam **Jadual 9**. Kutipan hasil tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Carta 2**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| JENIS HASIL | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|----------------------|-------------------|-------------------|----------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Hasil Cukai | 654.54 | 666.38 | -11.84 | -1.8 |
| Hasil Bukan Cukai | 1,061.52 | 1,929.11 | -867.59 | -45.0 |
| Terimaan Bukan Hasil | 282.46 | 214.61 | 67.85 | 31.6 |
| JUMLAH | 1,998.52 | 2,810.10 | -811.58 | -28.9 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017


CARTA 2
KUTIPAN HASIL TAHUN 2018 BERBANDING 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4.3. Bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018, kutipan hasil telah mencatat peningkatan setiap tahun kecuali pada tahun 2016 dan 2018 adalah seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3
KUTIPAN HASIL TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

6.4.4. Lima (5) penyumbang utama hasil kerajaan negeri bagi tahun 2018 adalah terdiri daripada Premium Geran Tanah, Cukai Tanah Semasa/Berulang, Ganti Rugi dari Pampasan (Hutan), Tanah dan Galian serta Pemberian Mengikut Bilangan Orang. Kelima-lima butiran hasil ini menyumbang sejumlah RM1.344 bilion atau 67.2% daripada keseluruhan hasil berjumlah RM1.999 bilion. Kutipan Premium Geran Tanah merupakan penyumbang terbesar dengan jumlah RM618.74 juta diikuti dengan Cukai Tanah Semasa/Berulang berjumlah RM461.68 juta. **Jadual 10** menunjukkan kutipan bagi lima (5) penyumbang utama hasil tahun 2018 berbanding tahun 2017.

**JADUAL 10
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| Bil. | BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|-----------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|--------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Premium Geran Tanah | 618.74 | 1,537.44 | -918.70 | -59.8 |
| 2. | Cukai Tanah Semasa/Berulang | 461.68 | 480.74 | -19.06 | -4.0 |
| 3. | Ganti Rugi dari Pampasan (Hutan) | 96.29 | 14.97 | 81.32 | 543.2 |
| 4. | Tanah dan Galian | 92.44 | 87.90 | 4.54 | 5.2 |
| 5. | Pemberian Mengikut Bilangan Orang | 74.52 | 73.75 | 0.77 | 1.0 |
| JUMLAH | | 1,343.67 | 2,194.80 | -851.13 | -38.8 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4.5. Kedudukan kutipan lima (5) butiran hasil tersebut bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 11**. Kutipan meningkat setiap tahun kecuali tahun 2018 iaitu daripada RM1.650 bilion pada

tahun 2014 kepada RM2.195 bilion pada tahun 2017 manakala pada tahun 2018 RM1.344 bilion iaitu penurunan sejumlah RM851.13 juta (38.8%).

JADUAL 11
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI TAHUN 2014 HINGGA 2018

| Bil. | Butiran | 2014 | | 2015 | | 2016 | | 2017 | | 2018 | |
|---------------|-----------------------------------|-----------------|--------------|-----------------|--------------|-----------------|--------------|-----------------|--------------|-----------------|--------------|
| | | (RM Juta) | (%) | (RM Juta) | (%) | (RM Juta) | (%) | (RM Juta) | (%) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Premium Geran Tanah | 1,138.90 | 69.0 | 1,291.69 | 68.5 | 1,316.80 | 68.9 | 1,537.44 | 70.0 | 618.74 | 46.0 |
| 2. | Cukai Tanah Semasa/Berulang | 395.37 | 24.0 | 409.40 | 21.7 | 417.74 | 21.8 | 480.74 | 21.9 | 461.68 | 34.4 |
| 3. | Gantirugi Dari Pampasan (Hutan) | 0.04 | 0.0 | 20.74 | 1.1 | 27.65 | 1.4 | 14.97 | 0.7 | 96.29 | 7.2 |
| 4. | Tanah dan Galian | 51.01 | 3.1 | 92.85 | 4.9 | 77.20 | 4.0 | 87.90 | 4.0 | 92.44 | 6.9 |
| 5. | Pemberian Mengikut Bilangan Orang | 64.28 | 3.9 | 72.12 | 3.8 | 72.95 | 3.8 | 73.75 | 3.4 | 74.52 | 5.5 |
| JUMLAH | | 1,649.60 | 100.0 | 1,886.80 | 100.0 | 1,912.34 | 100.0 | 2,194.80 | 100.0 | 1,343.67 | 100.0 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

6.4.6. Analisis Audit mendapati justifikasi penurunan kutipan hasil sejumlah RM811.58 juta (28.9%) pada tahun 2018 antaranya disebabkan oleh penurunan lima (5) butiran hasil yang ketara. **Jadual 12** menunjukkan perbandingan bagi lima (5) butiran hasil berkenaan pada tahun 2017 dan 2018.

JADUAL 12
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PENURUNAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|--|-------------------|-------------------|-----------|-------|---|
| | | | (RM Juta) | (%) | |
| HASIL CUKAI | | | | | |
| Cukai Tanah Semasa/Berulang (61401) | 461.68 | 480.74 | -19.06 | -4.0 | Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan kutipan cukai petak bermula pada 1 Jun 2018 bagi menggantikan kutipan cukai tanah hakmilik induk (<i>master title</i>) bagi petak yang telah dikeluarkan hak milik strata selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518). Pelaksanaan cukai petak menyebabkan hak milik <i>master title</i> telah dipecah milik menjadi cukai petak dan bayaran diterima dalam kod Objek Sebagai Objek Lanjut (OSOL) yang berlainan. |
| HASIL BUKAN CUKAI | | | | | |
| Premium Geran Tanah (73604) | 618.74 | 1,537.44 | -918.70 | -59.8 | Penurunan kutipan premium adalah disebabkan penurunan permohonan pembangunan terutamanya projek pembangunan mega atau berskala tinggi atas faktor ekonomi semasa. |
| Penanaman Modal/Pertaruhan Tetap (75490) | 74.18 | 89.89 | -15.71 | -17.5 | <ul style="list-style-type: none"> Jumlah dana yang dilaburkan adalah rendah disebabkan oleh rizab dan lebihan tunai yang berkurang. Dana pada tahun 2018 yang matang selepas bulan Julai dilaburkan untuk tempoh yang lebih pendek dan hanya matang pada tahun yang sama. Kadar faedah bagi tempoh yang pendek adalah lebih rendah berbanding tempoh peletakan yang lebih panjang menyebabkan pulangan yang rendah. Keperluan tunai yang meningkat menyebabkan pelaburan jangka panjang ditukar kepada pelaburan jangka pendek atau deposit pasaran jangka pendek bagi memastikan tahap kecairan yang tinggi bagi menampung perbelanjaan kerajaan negeri. |

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PENURUNAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|---|-------------------|-------------------|-----------|-------|--|
| | | | (RM Juta) | (%) | |
| Pelbagai Terimaan Dari Lain Agensi Kerajaan (77901) | 2.04 | 39.08 | -37.04 | -94.8 | <ul style="list-style-type: none"> Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menyelesaikan sepenuhnya pinjaman bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) yang berjumlah RM37.08 juta pada tahun 2017. Konsortium ABASS Sdn. Bhd. telah membuat pembayaran pinjaman bagi Projek Penggantian Aset bagi Operasi melebihi kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih yang berjumlah RM2.0 juta. Pelupusan sebahagian saham milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Selangor berjumlah RM37,311. |
| TERIMAAN BUKAN HASIL | | | | | |
| Pelbagai Hasil Tahun Semasa (81105) | 1.74 | 14.87 | -13.13 | -88.3 | <ul style="list-style-type: none"> Bahagian Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menerima pulangan kepada kerajaan bagi Cadangan Pembangunan Bercampur di atas tanah kerajaan seluas 50 ekar, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor oleh Syarikat Wadah Sdn. Bhd. berjumlah RM13.90 juta pada tahun 2017 adalah merupakan bayaran <i>one off</i>. Unit Hasil Pejabat Bendahari Negeri menerima pelbagai hasil tahun semasa berjumlah RM0.84 juta secara EFT daripada pelbagai agensi yang tiada perihal pembayaran atau maklumat pembayaran tidak jelas. Penurunan hasil tahun 2018 bagi pelbagai hasil tahun semasa adalah disebabkan bilangan urus niaga terimaan yang dapat dikenal pasti telah meningkat dan diakaunkan mengikut kod hasil yang tepat dan sepatutnya. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4.7. Analisis Audit juga telah dijalankan terhadap lima (5) butiran hasil menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2018. Hasil analisis adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PENINGKATAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|--|-------------------|-------------------|-------------|-------|--|
| | | | (RM Juta) | (%) | |
| HASIL CUKAI | | | | | |
| Cukai Petak (61411) | 15.70 | 0 | 15.70 | 100 | Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan kutipan cukai petak bermula pada 1 Jun 2018 bagi menggantikan kutipan cukai tanah hakmilik induk (<i>master title</i>) bagi petak yang telah dikeluarkan hak milik strata selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518). |
| HASIL BUKAN CUKAI | | | | | |
| Ganti Rugi dari Pampasan (Hutan) (76151) | 96.29 | 14.97 | 81.32 | 543.2 | Peningkatan bayaran ganti rugi pokok dan pampasan bagi kawasan jajaran talian Tenaga Nasional Berhad (TNB) seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> Projek TNB Tapah-Bentong berkeluasan 65 hektar. Projek TNB Bentong-Lenggeng berkeluasan 102 hektar. Projek TNB Kg. Pandan-Ampang East berkeluasan 49 hektar. |

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PENINGKATAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|-------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------|---------|---|
| | | | (RM Juta) | (%) | |
| TERIMAAN BUKAN HASIL | | | | | |
| Pulang Balik Perbelanjaan (81001) | 12.15 | 0.70 | 11.45 | 1,635.7 | Bahagian Kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (BKP SUK) menerima cek daripada Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN bagi penyelarasan semula peruntukan perkhidmatan Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen Negeri Selangor bagi tahun 2018 berjumlah RM12.06 juta. Jumlah selebihnya adalah lain-lain kutipan yang melibatkan bayaran balik emolumen dan bayaran balik perkhidmatan. |
| Pelbagai Hasil Tahun Lalu (81101) | 47.62 | 20.62 | 27.00 | 130.9 | <p>i. Bahagian Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (BKP SUK) menerima pelbagai hasil tahun lalu berjumlah RM11.67 juta daripada:</p> <p>a. Bayaran sewaan premis kerajaan tahun lalu;</p> <p>b. Bayaran sewaan menara telekomunikasi tahun lalu;</p> <p>c. Bayaran pembelian pelekat kenderaan dan pas keselamatan jabatan;</p> <p>d. Penyelarasan semula peruntukan perkhidmatan Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen Negeri Selangor bagi tahun 2018;</p> <p>e. Jurnal pelarasan bulan Mac 2018 bagi penutupan Akaun Amanah Penswastan Hartanah (kod amanah:65096);</p> <p>f. Bayaran dividen caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tahun lalu bagi kakitangan lantikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.</p> <p>ii. Unit Hasil, Pejabat Bendahari Negeri menerima pelbagai hasil tahun lalu berjumlah RM19.10 juta daripada:</p> <p>a. Jurnal pelarasan kod hasil akaun penyelesaian bendahari berjumlah RM13.33 juta;</p> <p>b. Jurnal pelarasan baki Akaun Amanah Pinjaman Diraja ke Akaun Hasil bagi penutupan Akaun Amanah seperti mana keputusan Dewan Negeri berjumlah RM1.89 juta dan RM3.29 juta.</p> <p>iii. Jabatan Kerja Raya menerima pelbagai hasil tahun lalu berjumlah RM3.77 juta daripada:</p> <p>a. Jurnal pelarasan bagi senarai warta yang dikreditkan kepada hasil berjumlah RM3.73 juta;</p> <p>b. Bayaran balik emolumen berjumlah RM32,730;</p> <p>c. Ganjaran kontrak (KWSP) berjumlah RM9,926.</p> |
| Pemberian Pertambahan Hasil (82352) | 34.20 | 0 | 34.20 | 100 | Kementerian Kewangan Malaysia menyalurkan pemberian pertambahan hasil berdasarkan prinsip <i>revenue sharing</i> iaitu apabila terdapat pertambahan di dalam hasil Kerajaan Persekutuan di dalam sesuatu tahun kewangan berbanding dengan tahun sebelumnya. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Maksud Tanggungan dan Maksud Bekalan. Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang negeri. Manakala Maksud Bekalan merupakan emolumen, semua kenaikan kepada peruntukan belanjawan bagi barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2018, perbelanjaan mengurus kerajaan negeri adalah berjumlah RM2.618 bilion yang merupakan 85.4% daripada peruntukan diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor berjumlah RM3.066 bilion. Perbandingan perbelanjaan mengurus sebenar dengan peruntukan yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 14**.

2018

Peruntukan Mengurus RM3.066 bilion
Perbelanjaan RM2.618 bilion

JADUAL 14
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2018

| MAKSUD PERBELANJAAN | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta) | BELANJA (%) |
|-------------------------------------|---------------------------------|--------------------------------|-------------|
| Emolumen | 468.64 | 448.48 | 95.7 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 536.56 | 483.62 | 90.1 |
| Aset | 16.10 | 14.48 | 89.9 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap* | 1,969.61 | 1,631.40 | 82.8 |
| Perbelanjaan Lain | 74.89 | 39.81 | 53.2 |
| JUMLAH | 3,065.80 | 2,617.79 | 85.4 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

Nota: (*) - Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Pembangunan Hutan Berjumlah RM1.277 bilion

6.5.2. Peruntukan yang diluluskan menurun sejumlah RM323.70 juta (9.5%) iaitu daripada RM3.390 bilion pada tahun 2017 kepada RM3.066 bilion pada tahun 2018. Manakala perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya menurun sejumlah RM560.87 juta (17.6%) iaitu daripada RM3.179 bilion pada tahun 2017 kepada RM2.618 bilion pada tahun 2018. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 15** dan **Jadual 16**.

JADUAL 15
PERUNTUKAN DILULUSKAN BAGI
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| MAKSUD PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|-------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Emolumen | 468.64 | 479.33 | -10.68 | -2.2 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 536.56 | 522.71 | 13.85 | 2.6 |
| Aset | 16.10 | 19.89 | -3.79 | -19.0 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 1,969.61 | 2,314.25 | -344.64 | -14.9 |
| Perbelanjaan Lain | 74.89 | 53.32 | 21.57 | 40.5 |
| JUMLAH | 3,065.80 | 3,389.50 | -323.70 | -9.5 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

JADUAL 16
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| MAKSUD PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Emolumen | 448.48 | 464.96 | -16.48 | -3.5 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 483.62 | 497.59 | -13.97 | -2.8 |
| Aset | 14.48 | 19.52 | -5.04 | -25.8 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 1,631.40 | 2,148.60 | -517.20 | -24.1 |
| Perbelanjaan Lain | 39.81 | 47.99 | -8.18 | -17.0 |
| JUMLAH | 2,617.79 | 3,178.66 | -560.87 | -17.6 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.5.3. Antara butiran perbelanjaan yang mencatat justifikasi penurunan yang ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN
MENGURUS YANG KETARA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|---|-------------------|-------------------|-----------|-------|---|
| | | | (RM Juta) | (%) | |
| EMOLUMEN | | | | | |
| Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan | 64.58 | 92.70 | -28.12 | -30.3 | Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) Pada tahun 2017, peruntukan Bantuan Khas Kewangan (BKK) berjumlah RM31.4 juta adalah bagi jabatan yang tidak mempunyai peruntukan bagi pembayaran tersebut. Manakala pada tahun 2018, terdapat jabatan yang telah mewujudkan peruntukan BKK sendiri dan peruntukan tambahan berjumlah RM4.90 juta adalah bagi jabatan yang tidak mempunyai peruntukan. |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | | | | |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti | 227.63 | 242.24 | -14.61 | -6.0 | i. Jabatan Agama Islam Peruntukan diluluskan bagi Kod Objek 29000 bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM5.57 juta sahaja berbanding tahun 2017, iaitu sejumlah RM16.11 juta. ii. Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) Peruntukan yang diluluskan pada tahun 2018 menurun sejumlah RM2.62 juta menyebabkan perbelanjaan juga menurun sejumlah |

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|---|-------------------|-------------------|-----------|-------|--|
| | | | (RM Juta) | (%) | |
| | | | | | RM4.31 juta. Peruntukan ini merupakan peruntukan luar jangka, iaitu perbelanjaan adalah berdasarkan permohonan dan keperluan Jabatan pada tahun tersebut. |
| ASET | | | | | |
| Kenderaan dan Jentera | 6.35 | 10.68 | -4.33 | -40.5 | i. Jabatan Kerja Raya (JKR) Tiada peruntukan diterima oleh JKR bagi Kod Objek 34000 berbanding sejumlah RM1.49 juta pada tahun 2017. ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Pemberian <i>One-off</i> yang diluluskan pada tahun 2018 hanya berjumlah RM0.29 juta berbanding tahun 2017 iaitu sejumlah RM1.58 juta. |
| PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP | | | | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 1,563.47 | 2,097.98 | -534.51 | -25.5 | Perbendaharaan Negeri a. Bayaran Program Pemberian Air Percuma 20 Meter padu yang pertama kepada rakyat Selangor berjumlah RM185.23 juta telah diperuntukkan di bawah peruntukan pembangunan P01- PK18 (Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor). b. Kelulusan bayaran secara <i>One-off</i> kenaikan siling Kumpulan Wang Pinjaman Negeri Selangor bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM50 juta berbanding pada tahun 2017 iaitu berjumlah RM110 juta. c. Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan Pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan/ Hutan adalah berdasarkan kepada perbelanjaan tahun semasa yang berjumlah RM1.427 bilion berbanding tahun 2017 berjumlah RM1.593 bilion. |
| PERBELANJAAN LAIN | | | | | |
| Bayaran-Bayaran Lain | 29.17 | 42.61 | -13.44 | -31.5 | i. Pelbagai Bayaran tuntutan ganti rugi bagi kes saman Syarikat Hay Resort pada tahun 2018 adalah berjumlah RM5.70 juta sahaja berbanding tahun 2017 iaitu berjumlah RM17.50 juta bagi tuntutan ganti rugi kes Syarikat Halaman Mantap Sdn. Bhd. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.5.4. Peruntukan bagi lima (5) aktiviti/program berjumlah RM1.16 juta di lima (5) jabatan dan viremen peruntukan yang diluluskan bagi lima (5) aktiviti/program berjumlah RM2.87 juta di empat (4) jabatan tidak dibelanjakan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 18** dan **Jadual 19**. Sementara itu, **Jadual 20** menyenaraikan (5) aktiviti/program di empat (4) jabatan bagi justifikasi perbelanjaan kurang daripada 50% berbanding peruntukan.

JADUAL 18
JUSTIFIKASI PERUNTUKAN MENGRUS TIDAK DIBELANJAKAN

| JABATAN | AKTIVITI/PROGRAM DAN MAKSUD PERBELANJAAN | PERUNTUKAN ASAL (RM) | PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | JUSTIFIKASI |
|--|--|----------------------|----------------------------|---------------------------|--|
| Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) | Pentadbiran dan Kewangan <i>One-Off</i> (505002) • Bangunan dan Pembaikan Bangunan) | 100,000.00 | 100,000.00 | 0.00 | Peruntukan pada tahun 2018 adalah merupakan peruntukan bagi kerja menaik taraf bangunan sedia ada. Bagaimanapun, peruntukan tidak dapat dibelanjakan kerana JKM dalam perancangan untuk pindah ke Bangunan baru di Ideal Convention Center Shah Alam (IDCC) pada tahun 2020. |
| Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | Pejabat Menteri Besar (551000) • Bayaran-bayaran Lain | 999,904.23 | 44,904.23 | 0.00 | Pihak Perbendaharaan Negeri Selangor mengambil maklum akan peruntukan ini yang tidak digunakan secara optimum dan akan mengambil tindakan untuk menyelaras peruntukan bagi tahun 2020. |
| Jabatan Kerja Raya(JKR) | JKR Petaling Dasar Baru (505101) • Sewaan | 22,200.00 | 22,200.00 | 0.00 | Pembayaran sewaan tidak dapat dilakukan pada tahun 2018 kerana SPEKS tergendala sewaktu permohonan dilakukan. |
| Jabatan Agama Islam | Penguatkuasaan <i>One-Off</i> (544002) • Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti | 20,000.00 | 20,000.00 | 0.00 | Perkhidmatan bagi aktiviti ini telah dilaksanakan dalam tahun 2018 tetapi bayarannya terpaksa dibuat secara AP58(a) pada tahun 2019. Perkara ini disebabkan SPEKS telah ditutup sewaktu permohonan ingin membelanjakan peruntukan ini dibuat pada Disember 2018. |
| Pejabat Tanah dan Galian | Pentadbiran dan Kewangan (505000) • Bayaran-bayaran lain | 16,931.00 | 16,931.00 | 0.00 | Tiada tuntutan permohonan pembayaran bagi Bahagian Perundangan (Kos Mahkamah) |
| JUMLAH | | 1,159,035.23 | 204,035.23 | 0.00 | |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

JADUAL 19
VIREMEN PERUNTUKAN MENGRUS YANG DILULUSKAN TIDAK DIBELANJAKAN

| AKTIVITI/PROGRAM DAN MAKSUD PERBELANJAAN | VIREMEN (RM) | PERUNTUKAN SELEPAS VIREMEN (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | BAKI PERUNTUKAN (RM) | JUSTIFIKASI |
|--|--------------|---------------------------------|---------------------------|----------------------|---|
| JABATAN AGAMA ISLAM | | | | | |
| Pendidikan Islam (515000) • Perhubungan dan Utiliti | 1,213,690.00 | 8,338,699.10 | 6,653,011.09 | 1,685,688.01 | Penyaluran kepada 23 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SAM) berjumlah RM1.2 juta bagi tujuan bayaran bil elektrik dan air tidak dapat disalurkan kerana permohonan diterima pada bulan Oktober dan bayaran tidak dapat |

| AKTIVITI/ PROGRAM DAN MAKSUD PERBELANJAAN | VIREMEN (RM) | PERUNTUKAN SELEPAS VIREMEN (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | BAKI PERUNTUKAN (RM) | JUSTIFIKASI |
|---|---------------------|--|---------------------------------|----------------------------|--|
| | | | | | diproses kerana dokumen seperti bil bulanan tidak disertakan bersama. |
| Bahagian Halal (530000) • Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli | 461,185.59 | 496,185.59 | 1,065.59 | 495,120.00 | Perolehan Kerja berjumlah RM0.49 juta tidak dapat dibayar pada tahun 2018 kerana masalah SPEKS tergendala sewaktu permohonan dan akan diproses menggunakan AP58(a) dengan tajuk Kerja-kerja Baik pulih dan Naik Taraf Gudang Simpanan Exhibit Bahagian Pengurusan Halal. |
| JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN | | | | | |
| Perkhidmatan Luar (512000) • Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli | 440,000.00 | 9,840,000.00 | 8,369,121.68 | 1,470,878.32 | Pembayaran tidak dapat dilakukan pada tahun 2018 dan akan diproses secara AP58(a) berikutan terdapat gangguan SPEKS ketika permohonan pembayaran dilakukan pada tahun 2018. |
| PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI | | | | | |
| Bahagian Pengurusan Sumber manusia (552000) • Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti | 403,870.10 | 7,906,769.32 | 7,167,584.96 | 739,184.36 | Peruntukan berjumlah RM0.2 juta dan RM0.32 juta merupakan perbelanjaan Jawatankuasa Tetap (STANDCO) dan perbelanjaan menampung bayaran perubatan bagi Pesara Kerajaan. Peruntukan tersebut tidak dapat digunakan disebabkan bekalan/perkhidmatan/kerja masih belum disempurnakan sehingga 31 Disember 2018. Pembayaran tersebut hanya dapat dilaksanakan di bawah AP58(a). |
| PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK | | | | | |
| Pentadbiran dan Kewangan (505000) • Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti | 352,240.00 | 1,241,844.29 | 713,571.86 | 528,272.43 | Peruntukan tersebut adalah bagi menampung kenaikan bayaran Elaun Ketua Kampung, Elaun Hadir Mesyuarat (Ketua Kampung), Elaun Minit Mesyuarat (Setiausaha) serta bayaran perkhidmatan yang lain. Bagaimanapun, terdapat Ketua Kampung yang belum dilantik sehingga Disember 2018. Bayaran perkhidmatan yang tidak dapat dibayar pada tahun 2018 akan dilaksanakan di bawah AP58(a). |
| Jumlah | 2,870,985.69 | 27,823,498.30 | 22,904,355.18 | 4,919,143.12 | |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

JADUAL 20
PERBELANJAAN MENGRUS KURANG DARIPADA 50% BERBANDING PERUNTUKAN

| JABATAN | AKTIVITI/PROGRAM DAN MAKSUD PERBELANJAAN | PERUNTUKAN KEMASKINI (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | PERATUS BELANJA (%) | JUSTIFIKASI |
|--------------------------------|---|---------------------------|---------------------------|---------------------|--|
| Jabatan Agama Islam | Bahagian Halal (530000) • Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli | 496,185.59 | 1,065.59 | 0.2 | Perolehan kerja berjumlah RM0.49 juta tidak dapat dibayar pada tahun 2018 kerana masalah Sistem Perakaunan Berkomputer Standad Untuk Kerajaan Negeri (SPEKS) tergendala sewaktu permohonan dan akan diproses menggunakan AP58(a) dengan tajuk Kerja-kerja Baik pulih dan Naik Taraf Gudang Simpanan Exhibit Bahagian Pengurusan Halal. |
| Dewan Negeri Selangor | Pentadbiran dan Kewangan (505000) • Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan | 466,469.36 | 44,301.00 | 9.5 | Pembubaran Dewan Negeri. Tiada bayaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada Kerani Kawasan dilakukan sehingga tarikh pelantikan Ahli Dewan Negeri yang baru. |
| | Pentadbiran dan Kewangan (<i>One-Off</i>) (505002) • Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli | 50,000.00 | 2,200.00 | 4.4 | Pihak Jabatan telah memaklumkan kepada Bahagian Belanjawan Perbendaharaan Negeri Selangor bahawa pembinaan lif Orang Kurang Upaya (OKU) tidak dapat dilaksanakan memandangkan peruntukan yang diberikan tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan kos tersebut. |
| Jabatan Perhutanan | Operasi Hutan (560000) • Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan | 232,152.84 | 41,752.00 | 18.0 | Terdapat 97 kekosongan jawatan sehingga Oktober 2018 daripada 470 waran perjawatan. Pada November 2018 kekosongan telah diisi sebanyak 25 perjawatan menjadikan jumlah perjawatan yang telah diisi adalah sebanyak 398 dan menyebabkan perbelanjaan kurang 50%. |
| Pejabat Daerah dan Tanah Klang | Tanah Dasar Baru (525001) • Sewaan | 200,000.00 | 14,300.00 | 7.2 | Peruntukan adalah bagi tujuan sewaan jentera penguatkuasaan untuk Pilihan Raya Umum ke 14 menyebabkan semua operasi perobohan terpaksa ditangguhkan bagi mengelakkan timbul isu-isu tertentu. |
| Jumlah | | 1,444,807.79 | 103,618.59 | 7.2 | |


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

6.5.5. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa pembayaran untuk bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Pada tahun 2018, bayaran di bawah AP58(a) berjumlah RM7.81 juta meningkat sejumlah RM3.08 juta (65.1%) berbanding RM4.73 juta pada tahun

2017. Peningkatan ini berlaku adalah disebabkan tiada tempoh Akaun Kena Bayar dibenarkan mulai tahun 2015. Bayaran di bawah AP58(a) menurun pada tahun 2015 sebelum mencatatkan peningkatan pada tahun 2016 dan menurun semula pada tahun 2017. Bayaran di bawah AP58(a) ini menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2018 seperti dalam **Carta 4**.


CARTA 4
BAYARAN DI BAWAH
ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

- b. Pada tahun 2018, antara jenis perbelanjaan AP58(a) yang menunjukkan bayaran tertinggi dari bulan Januari sehingga Disember adalah pembayaran di bawah kod 20000 iaitu bayaran Bekalan dan Perkhidmatan. Pada tiga (3) bulan pertama berjumlah RM3.74 juta dan berjumlah RM0.74 juta pada bulan April hingga Jun dan RM108,933 pada bulan Julai hingga September manakala RM24,794 pada bulan Oktober hingga Disember. Di bawah kod Emolumen 10000 bagi bayaran lebih masa kakitangan dan ganjaran bagi kakitangan kontrak, perbelanjaan bagi bulan Januari hingga Mac adalah berjumlah RM1.50 juta, pada bulan April hingga Jun berjumlah RM258,221 manakala RM27,531 pada bulan Julai hingga September. Jenis perbelanjaan kod 40000 bagi bayaran Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap adalah berjumlah RM400,610 bagi bulan Januari hingga Mac dan RM209,477 bagi bulan April hingga Jun adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
PERBELANJAAN BAGI BAYARAN AP58(a) MENGIKUT KOD PENJENISAN



Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- c. Analisis Audit mendapati pembayaran tanggungan 2017 yang dibayar pada tahun 2018 adalah berjumlah RM3.59 juta. **Jadual 21** menunjukkan lima (5) Jabatan tertinggi dan sebab pembayaran dibuat pada tahun 2018.

JADUAL 21
PEMBAYARAN TANGGUNGAN TAHUN 2017 DI BAWAH AP58(a)

| JABATAN | JUSTIFIKASI KELEWATAN | JUMLAH (RM) |
|--|--|---------------------|
| 1. Jabatan Agama Islam Selangor | Tuntutan bayaran seperti bekalan dan perkhidmatan dikemukakan selepas penutupan akaun. | 1,544,576.52 |
| 2. Dewan Undangan Negeri Selangor | Tuntutan bayaran seperti bekalan dan perkhidmatan dikemukakan selepas penutupan akaun. | 572,789.19 |
| 3. Jabatan Kerja Raya Selangor | Tuntutan kerja penyelenggaraan elektrik bulan Disember 2017. | 278,606.11 |
| 4. Pengelola Bijaya Diraja | Tuntutan bekalan dan perkhidmatan serta elaun lebih masa dikemukakan selepas penutupan akaun. | 222,261.63 |
| 5. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor | Tuntutan bayaran perkhidmatan, elaun lebih masa dan kontrak penyelenggaraan dikemukakan selepas penutupan akaun. | 123,674.05 |
| JUMLAH | | 2,741,907.50 |

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- d. Analisis Audit juga telah dijalankan bagi pembayaran AP58(a) selepas bulan Jun 2018. Hasil analisis Audit menunjukkan sejumlah RM224,619 bayaran bagi bulan Jun hingga Disember 2018 melibatkan 99 baucar. **Jadual 22** menunjukkan lima (5) jabatan tertinggi dan justifikasi pembayaran.

**Pembayaran
AP58(a)
Selepas Jun 2018
RM224,619
99 baucar**

**JADUAL 22
PEMBAYARAN AP58(a) SELEPAS BULAN JUN 2018**

| JABATAN | | JUSTIFIKASI KELEWATAN | JUMLAH (RM) |
|---------------|--|---|-------------------|
| 1. | Jabatan Agama Islam Selangor | Tuntutan diterima selepas tarikh tutup akaun | 73,017.19 |
| 2. | Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor | Tuntutan bulan Disember 2017 hanya akan dibayar pada bulan berikutnya | 48,502.20 |
| 3. | Jabatan Pengairan dan Saliran | Tiada Akaun Kena Bayar dikenakan pada tahun 2017 | 40,092.13 |
| 4. | Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam | Baki peruntukan tahun perbelanjaan tidak mencukupi | 24,434.60 |
| 5. | Jabatan Kerja Raya Hulu Selangor | Tiada Akaun Kena Bayar dikenakan pada tahun 2017 | 8,403.59 |
| JUMLAH | | | 194,449.71 |

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- e. Semua bayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2018 telah dibuat mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Antara tujuan bayaran ini adalah untuk bayaran perkhidmatan pembersihan, perkhidmatan penyenggaraan, perkhidmatan kawalan keselamatan, sewaan komputer dan mesin pencetak, percetakan dan pengiklanan, bil petrol dan diesel, bayaran balik emolumen, elaun lebih masa serta bil utiliti. Bayaran AP 58(a) berlaku disebabkan tuntutan/bil lewat diterima.
- f. Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan surat arahan kepada semua jabatan di Negeri Selangor supaya menyelesaikan semua pembayaran di bawah AP58(a) selewat-lewatnya pada 30 Jun setiap tahun dan sebarang kelewatan permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan diproses.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran yang berkaitan serta pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

7.2. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM17.68 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai satu (1) Projek Menaik Taraf Rumah Pam.

7.3. Pada akhir tahun 2018, Akaun Pinjaman Disatukan menunjukkan baki sifar selepas RM17.68 juta dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek selaras dengan Piawai Perakaunan Kerajaan 5 (Akaun Pinjaman Disatukan). **Jadual 23** menunjukkan Akaun Pinjaman Disatukan yang berbaki sifar pada tahun 2017 dan 2018 serta urus niaga terimaan dan bayaran/pindahan yang berkaitan.

JADUAL 23
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|-------------------|-------------------|-------------|-------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| Terimaan | 17.68 | 52.08 | -34.40 | -66.1 |
| Bayaran/Pindahan | 17.68 | 52.08 | -34.40 | -66.1 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN


Akaun Amanah Disatukan mengaakun semua penerimaan dan pembayaran wang amanah mengikut kehendak akta amanah, arahan amanah dan surat ikatan amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, undang-undang dan perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2018 berjumlah RM1.672 bilion berbanding RM1.756 bilion pada akhir tahun 2017 iaitu menurun sejumlah RM84.17 juta (4.8%). Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 24** dan **Carta 6** menunjukkan kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018.

JADUAL 24
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|--|-------------------|-------------------|---------------|-------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 904.75 | 971.15 | -66.40 | -6.8 |
| <i>i. Kumpulan Wang Pembangunan</i> | 41.44 | 157.81 | -116.37 | -73.7 |
| <i>ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan</i> | 18.42 | 24.47 | -6.05 | -24.7 |
| <i>iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> | 821.42 | 769.33 | 52.09 | 6.8 |
| <i>iv. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan</i> | 23.47 | 19.54 | 3.93 | 20.1 |
| b. Kumpulan Wang Amanah Awam | 423.29 | 533.28 | -109.99 | -20.6 |
| c. Akaun Deposit | 344.24 | 252.02 | 92.22 | 36.6 |
| JUMLAH | 1,672.28 | 1,756.45 | -84.17 | -4.8 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

CARTA 6
AKAUN AMANAH DISATUKAN TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

8.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Negeri Selangor dan hanya boleh digunakan bagi maksud ia ditubuhkan. Pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor. Kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

8.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan mengaakun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, pemberian Persekutuan dan pelbagai terimaan. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|---------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 157.81 | 128.85 | 28.96 | 22.5 |
| Terimaan | 1,305.53 | 1,654.05 | - 348.52 | - 21.1 |
| Perbelanjaan | 1,421.90 | 1,625.09 | - 203.19 | - 12.5 |
| LEBIHAN/DEFISIT | -116.37 | 28.96 | -145.33 | -501.8 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 41.44 | 157.81 | -116.37 | -73.7 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- b. Pada tahun 2018, kumpulan wang ini telah mencatat defisit berjumlah RM116.37 juta kerana perbelanjaan berjumlah RM1.422 bilion melebihi terimaan berjumlah RM1.306 bilion. Perkara ini menyebabkan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2018 menurun menjadi RM41.44 juta berbanding RM157.81 juta pada akhir tahun 2017. Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| JABATAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|-------------------|-------------------|----------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 1,043.13 | 1,093.78 | -50.65 | -4.6 |
| 2. Jabatan Kerja Raya | 177.73 | 273.82 | -96.09 | -35.1 |
| 3. Jabatan Pengairan dan Saliran | 86.05 | 123.94 | -37.89 | -30.6 |
| 4. Jabatan Agama Islam | 91.54 | 105.19 | -13.65 | -13.0 |
| 5. Jabatan Pertanian | 12.39 | 16.72 | -4.33 | -25.9 |
| 6. Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 5.79 | 6.80 | -1.01 | -14.9 |
| 7. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa | 3.02 | 4.09 | -1.07 | -26.2 |
| 8. Pejabat Perbendaharaan Negeri | | | | |
| • Projek Am | 1.96 | 0.05 | 1.91 | 3,820.0 |
| • Pengkomputeran | 0.28 | 0.70 | -0.42 | -60.0 |
| JUMLAH | 1,421.89 | 1,625.09 | -203.20 | -12.5 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- c. Pada tahun 2018, sejumlah RM1.427 bilion daripada peruntukan pembangunan berjumlah RM1.660 bilion telah dibelanjakan seperti dalam **Jadual 27** manakala **Jadual 28** menunjukkan pencapaian perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan. Semua jabatan telah membelanjakan melebihi 80% daripada peruntukan pembangunan yang diluluskan kecuali Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian hanya membelanjakan 75.5%, 72.9% dan 65.2% daripada peruntukan.

JADUAL 27
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RMKe-11 BAGI TAHUN 2018

| KAEDAH | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | PENCAPAIAN |
|---------------|-------------------------|---------------------------|-------------|
| | | | (%) |
| Langsung | 1,620.80 | 1,407.13 | 86.8 |
| Pinjaman | 39.20 | 19.87 | 50.7 |
| JUMLAH | 1,660.00 | 1,427.00 | 85.9 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

JADUAL 28
PENCAPAIAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN RMKe-11 BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT JABATAN

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | PENCAPAIAN |
|------|--|-------------------------|---------------------------|-------------|
| | | | | (%) |
| 1. | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa | 3.08 | 3.02 | 98.1 |
| 2. | Perbendaharaan Negeri | 2.30 | 2.24 | 97.4 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya | 200.00 | 177.73 | 88.9 |
| 4. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 6.60 | 5.80 | 87.9 |
| 5. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 1,202.02 | 1,043.13 | 86.8 |
| 6. | Jabatan Agama Islam | 106.00 | 91.54 | 86.3 |
| 7. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 114.00 | 86.05 | 75.5 |
| 8. | Jabatan Perhutanan | 7.00 | 5.10 | 72.9 |
| 9. | Jabatan Pertanian | 19.00 | 12.39 | 65.2 |
| | JUMLAH | 1,660.00 | 1,427.00 | 85.9 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

- d. Peruntukan bagi 15 projek pembangunan berjumlah RM12.32 juta di empat (4) jabatan dan viremen peruntukan yang diluluskan bagi satu (1) projek pembangunan berjumlah RM0.96 juta di satu (1) jabatan tidak dibelanjakan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 29** dan **Jadual 30**. Sementara itu, **Jadual 31** menyenaraikan 50 projek di enam (6) jabatan di mana perbelanjaan adalah kurang daripada 50% berbanding peruntukan.

JADUAL 29
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TIDAK DIBELANJAKAN

| BIL. | PERIHAL PROJEK | ANGGARAN (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | SEBAB |
|---|--|-------------------|---------------------------|--|
| MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI | | | | |
| 1. | Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor. | 499,000 | 0.00 | Permohonan bayaran telah di hantar kepada pihak kewangan pada 13.11.2018 namun proses bayaran tidak dapat dilaksanakan kerana kawalan perbelanjaan oleh pihak Perbendaharaan Negeri Selangor. |
| 2. | Menaik Taraf Perpustakaan Daerah. | 7,500,000 | 0.00 | Projek ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan tender telah dibuat pada 15.11.2019 dan 6.12.2018. |
| 3. | Membina Baru Perpustakaan Desa. | 450,000 | 0.00 | Projek ini telah ditukar lokasi dari Dataran Prima ke Puchong Indah disebabkan oleh keluasan tanah yang tidak bersesuaian dan peruntukan tidak mencukupi. |
| 4. | Kelengkapan dan Koleksi. | 200,000 | 0.00 | Peruntukan ini telah dipindahkan ke projek Membina Baru Perpustakaan Desa (14003) pada 30.11.2018. |
| 5. | Projek Penggantian Aset dan Menaik Taraf Bagi Operasi Melebihi Kapasiti Reka Bentuk di Loji Rawatan Air. | 700,000 | 0.00 | Peruntukan tersebut adalah bagi bayaran muktamad pihak kontraktor dan perunding selepas tempoh <i>defect liability period</i> tamat. Sijil Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan telah dikeluarkan pada Disember 2018 dan bayaran akan dibuat pada tahun 2019 setelah semakan dan kelulusan selesai. |
| JABATAN PERTANIAN | | | | |
| 6. | Batangsi, Hulu Langat. | 180,000 | 0.00 | Bayaran sejumlah RM167,550 tidak dapat dibuat kerana masalah sistem. |
| 7. | Sungai Kelambu, Kuala Langat | 150,000 | 0.00 | Projek tidak dapat dilaksanakan kerana tanah masih di bawah warta Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. |
| 8. | Naik Taraf Bengkel. | 400,000 | 0.00 | Jabatan Kerja Raya tidak membelanjakan sub-waran berjumlah RM350,000. |
| JABATAN KERJA RAYA | | | | |
| 9. | Menaik Taraf Jalan di Daerah Sepang. | 500,000 | 0.00 | Tanggungan bayaran sejumlah RM958,626 tidak dapat diselesaikan kerana SPEKS telah ditutup awal daripada jadual sebenar pada bulan November 2018. |
| JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN | | | | |
| 10. | Projek Menaik Taraf Pam dan Membina Kolam Takungan di Kampung Padang Jawa. | 10,000 | 0.00 | Projek ini dalam fasa reka bentuk. |
| 11. | Projek Menaik Taraf Saliran di Kawasan Kg. Johan Setia, Mukim Klang. | 100,000 | 0.00 | Pelaksanaan projek ini akan dikaji semula kerana frekuensi banjir yang kurang. Siling projek ini akan disalurkan kepada projek lain yang lebih memerlukan. |
| 12. | Pembangunan Sistem Aplikasi GIS Hidrologi. | 300,000 | 0.00 | Jabatan telah mengenal pasti tiada keperluan bagi pembinaan Stesen Kualiti Air Telemetry pada tahun 2018. |
| 13. | Pembangunan Sistem Ramalan, Amaran dan Hebahan Banjir. | 220,000 | 0.00 | |
| 14. | Menaik Taraf Struktur Hakisan Pantai di Sungai Janggut. | 800,000 | 0.00 | Projek telah siap dilaksanakan pada tahun 2017. |
| 15. | Pembinaan Rumah Pam dan <i>Trash Rake</i> Ke Baharu. | 312,000 | 0.00 | Bayaran interim tidak dapat dibuat kerana penutupan akaun pada 30.11.2018 |
| JUMLAH | | 12,321,000 | 0.00 | |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

JADUAL 30
VIREMEN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN YANG DILULUSKAN TIDAK DIBELANJAKAN

| BIL. | PERIHAL PROJEK | VIREMEN (RM) | ANGGARAN SELEPAS VIREMEN (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | BAKI PERUNTUKAN (RM) | SEBAB |
|---------------------------|---|--------------|-------------------------------|---------------------------|----------------------|--|
| JABATAN KERJA RAYA | | | | | | |
| 1. | Menaik Taraf Laluan B35 dari Simpang 3 Ijok – Simpang Jaya Setia. | 958,627 | 958,627 | 0.00 | 0.00 | Tanggungan bayaran sejumlah RM958,626 tidak dapat diselesaikan kerana SPEKS telah ditutup awal daripada jadual sebenar pada bulan November 2018. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

JADUAL 31
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KURANG DARIPADA 50% BERBANDING PERUNTUKAN

| BIL. | PERIHAL PROJEK | ANGGARAN (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | PERATUS BELANJA (%) | SEBAB |
|---|--|---------------|---------------------------|---------------------|--|
| PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI | | | | | |
| 1. | Penyelidikan Pembangunan Ekonomi | 3,919,602 | 1,598,702.49 | 40.8 | Baki sejumlah RM2.32 juta tidak dapat dibelanjakan kerana ia diperuntukkan di bawah komitmen bayaran Kajian <i>Water Resources, Supply, Demand and Distribution Supply For Selangor</i> Pembangunan Portal Geosmart Selangor dan Kajian Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor. |
| 2. | Program Pemberdayaan Wanita dan Keluarga | 10,000,000 | 3,946,077.61 | 39.5 | Perbelanjaan tidak dapat dibuat kerana lantikan Exco baru selepas Pilihanraya Umum. |
| 3. | Pengurusan Sisa Pepejal Pulau Ketam | 3,552,740 | 522,773.60 | 14.7 | Permohonan penyaluran peruntukan secara <i>Direct Grant</i> kepada Perbendaharaan telah dibuat dan Perbendaharaan akan mempertimbangkan perkara tersebut pada tahun 2019. |
| 4. | Projek Menambah baik dan Menaik Taraf Struktur <i>Weir</i> di Empangan Sungai Tinggi | 173,000 | 56,997 | 32.9 | Perbelanjaan tidak dapat dibayar kerana masalah SPEKS |
| 5. | Kota Darul Ehsan | 1,015,328.88 | 39,826.12 | 3.9 | |
| 6. | Masjid Sultan Suleiman (Konservasi) | 442,300 | 167,968.69 | 38.0 | |
| JABATAN PERTANIAN | | | | | |
| 7. | TKPM Semenyih, Hulu Langat | 100,000 | 43,884 | 43.9 | Perbelanjaan tidak dapat dibayar kerana masalah SPEKS. |
| 8. | TKPM Semenyih, Hulu Langat | 100,000 | 28,549.56 | 28.6 | |
| 9. | Padi MYGAP | 200,000 | 60,001 | 30.0 | |
| 10. | Tanaman Singkat Masa | 1,000,000 | 434,373.90 | 43.4 | |
| 11. | Rumah Cendawan | 350,000 | 105,880.90 | 30.3 | |
| 12. | Baik Pulih Pusat dan Pejabat Pertanian | 1,017,000 | 465,259.55 | 45.7 | |
| 13. | Pembangunan Bunga-bunga dan Tanaman Hiasan | 500,000 | 248,844.20 | 49.8 | |
| 14. | Kemudahan Penyimpanan | 50,000 | 6,666.70 | 13.3 | |
| 15. | Program Jualan Terus Tanaman dan IAT | 300,000 | 82,175.76 | 27.4 | Terdapat satu (1) projek sahaja yang dilaksanakan pada tahun 2018. |

| BIL. | PERIHAL PROJEK | ANGGARAN (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | PERATUS BELANJA (%) | SEBAB |
|--------------------------------------|--|---------------|---------------------------|---------------------|---|
| 16. | Fertigasi Tertutup | 980,000 | 462,238.50 | 47.2 | Perbelanjaan tidak dapat dibuat kerana pembekal gagal menghantar bekalan. |
| JABATAN KERJA RAYA | | | | | |
| 17. | Kerja-kerja Permulaan | 410,000 | 202,869.54 | 49.5 | Pembayaran tidak dapat dibuat kerana SPEKS telah di tutup awal dari jadual sebenar. |
| 18. | Menaik Taraf Lintasan Utama Sungai Satu Pulau Ketam | 200,000 | 90,125.37 | 45.1 | Mesyuarat Lembaga Perolehan Negeri Selangor Bil. 24/2018 bertarikh 19.12.2018 memutuskan tender projek ini dibatalkan dan perlu ditender semula mengikut gred yang bersesuaian dengan anggaran jabatan terkini iaitu gred CIDB. |
| 19. | Membina Jalan dari Kajang ke Kg. Pasir, Sungai Lalang | 190,000 | 78,169.50 | 41.1 | Terdapat perubahan skop jajaran projek dan kerja-kerja pembinaan harus ditunda ke tahun berikutnya. Perubahan jajaran menyebabkan peruntukan yang dianggarkan bagi bayaran perunding dan kerja ukur pengambilan tanah tidak dapat dilaksanakan. |
| 20. | Membina Jalan dari Kg. Ulu Chuchuh ke KLIA | 122,000 | 29,517.60 | 24.2 | Terdapat perubahan jajaran dan disebabkan itu proses pengambilan balik tanah belum selesai dan peruntukan bagi bayaran pampasan tanah tidak dapat dilaksanakan. |
| 21. | Menaik Taraf Jalan di Jalan Bukit Naga | 300,000 | 21,466.64 | 7.2 | Pembayaran tidak dapat dibuat kerana SPEKS telah ditutup awal dari jadual sebenar. |
| 22. | Menaik Taraf Jalan di Daerah Klang | 1,000,000 | 421,935.95 | 42.2 | |
| 23. | Meningkatkan Aspek Keselamatan di Daerah Klang | 150,000 | 49,169.05 | 32.8 | |
| 24. | Memasang Lampu Jalan dan Lampu Isyarat di Daerah Klang | 99,989 | 49,988.17 | 50.0 | |
| 25. | Memasang Lampu Jalan dan Lampu Isyarat di Daerah Hulu Langat | 249,998 | 49,997.95 | 20.0 | |
| 26. | Memasang Lampu Jalan dan Lampu Isyarat di Daerah Sepang | 250,198 | 46,997.82 | 18.8 | |
| 27. | Menaik Taraf Jalan Semenanjung Bernam 3 | 1,109,673 | 547,890.74 | 49.4 | |
| 28. | Pelbagai Projek Pembangunan | 1,000,000 | 475,215.54 | 47.5 | |
| JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN | | | | | |
| 29. | Projek Tebatan Banjir Klang | 315,000 | 87,299.19 | 27.7 | Tiada keperluan perbelanjaan kerana bayaran perunding adalah sejumlah RM87,299. |
| 30. | Projek Tebatan Banjir di Pandamaran | 450,000 | 189,223.25 | 42.1 | Bayaran interim pertama tidak dapat dibuat kerana penutupan akaun awal pada 30.11.2018. |
| 31. | Projek Tebatan Banjir di Kawasan Sungai Pinang | 480,000 | 123,466.20 | 25.7 | Mesyuarat Lembaga Perolehan Negeri Selangor pada 26.1.2018 memutuskan supaya projek ditender semula kerana melebihi siling projek. |
| 32. | Projek Tebatan Banjir di Kampung Rantau Panjang | 95,000 | 26,521.20 | 27.9 | Projek ini telah digugurkan melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.22/2018 pada 1.8.2018. Bayaran RM26,521 adalah bagi laporan <i>conceptual</i> oleh perunding. |
| 33. | Projek Tebatan Banjir di Sungai Semarang | 1,420,000 | 451,978 | 31.8 | Bayaran tidak dapat dibuat kerana terdapat perubahan reka bentuk di tapak. Permohonan pindahan skop telah dikemukakan kepada Unit Perancang |

| BIL. | PERIHAL PROJEK | ANGGARAN (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | PERATUS BELANJA (%) | SEBAB |
|----------------------------|--|---------------|---------------------------|---------------------|---|
| | | | | | Ekonomi Negeri (UPEN) pada 25.2.2019. |
| 34. | Projek Tebatan Banjir di Sungai Labu | 1,000,000 | 13,992.80 | 1.4 | Bayaran sejumlah RM13,993 adalah bagi bayaran iklan dan percetakan dokumen tender. Bayaran interim pertama tidak dapat dibuat berikutan penutupan akaun pada 30.11.2018. |
| 35. | Projek Tebatan Banjir di Sungai Bernam | 1,000,000 | 335,747.44 | 33.6 | Bayaran sejumlah RM335,747 adalah bagi bayaran iklan, percetakan dokumen tender dan reka bentuk perunding dan juruukur. Bayaran interim pertama tidak dapat dibuat berikutan penutupan akaun pada 30.11.2018. |
| 36. | Projek Tebatan Banjir di Sabak Bernam | 1,110,000 | 380,270 | 34.3 | Baki peruntukan tidak dapat dibelanjakan kerana skop utama adalah pembinaan ban. Keadaan monsun (musim hujan) pada bulan November dan Disember menyebabkan kerja utama tidak dapat dijalankan. |
| 37. | Kerja Menaik Taraf Parit Utama dan Sistem Parit Dalam | 2,000,000 | 67,374.08 | 3.4 | Projek ini bermula pada 18.9.2018 dan akan tamat pada 17.3.2020. Bayaran interim pertama tidak dapat dibuat kerana penutupan akaun telah dibuat pada 30.11.2018. |
| 38. | Projek Menaik Taraf Saliran di Teluk Menegun, Klang | 500,000 | 153,786.28 | 30.8 | Projek ini bermula pada 18.9.2018 dan akan tamat pada 17.9.2019. Bayaran interim pertama tidak dapat dibuat kerana penutupan akaun telah dibuat pada 30.11.2018. |
| 39. | Projek Menaik Taraf Saliran Jalan Yadi, Klang | 500,000 | 8,515.04 | 1.7 | Projek ini bermula pada 18.9.2018 dan akan tamat pada 17.3.2020. Bayaran interim pertama tidak dapat dibuat kerana penutupan akaun telah dibuat pada 30.11.2018. |
| 40. | Kerja Menaik Taraf Sistem Saliran Sekolah Tengku Ampuan Rahimah | 200,000 | 15,998.88 | 8.0 | Projek ini bermula pada 12.9.2018 dan akan tamat pada 11.10.2019. Bayaran interim pertama tidak dapat dibuat kerana penutupan akaun telah dibuat pada 30.11.2018. |
| 41. | Kerja Menaik Taraf Sistem Saliran di Batu 4, Jalan Kapar | 1,000,000 | 319,403.16 | 31.9 | Projek ini bermula pada 19.7.2018 dan akan tamat pada 11.10.2019. Bayaran tidak dapat dibuat kerana kelulusan viremen tidak diperolehi sebelum penutupan akaun pada 30.11.2018. |
| 42. | Kerja Menaik Taraf Sistem Saliran Plaza Hugo, Kajang | 800,000 | 55,904.74 | 7.0 | Projek ini bermula pada 10.8.2018 dan akan tamat pada 9.10.2019. Baki peruntukan tidak dapat dibelanjakan kerana terdapat masalah teknikal di tapak yang melibatkan utiliti. |
| 43. | Kerja Pembaikan Tembok Penahan Ombak di Pantai Morib, Kuala Langat | 1,000,000 | 338,902.26 | 33.9 | Projek ini bermula pada 10.8.2018 dan akan tamat pada 7.2.2020. Bayaran tidak dapat dibuat kerana kemajuan di tapak kurang memuaskan. |
| 44. | Projek Pemodenan dan Penautomasian Scada Pintu Kawalan Air | 1,075,000 | 223,804 | 20.8 | Bayaran interim tidak dapat dibuat kerana penutupan akaun telah dibuat pada 30.11.2018. |
| JABATAN AGAMA ISLAM | | | | | |
| 45. | Baik Pulih dan Menaik Taraf Maahad Tahfidz Integrasi Sains | 1,000,000 | 308,347.31 | 30.8 | Pembayaran tidak dapat dibuat kerana SPEKS telah ditutup awal dari jadual sebenar. |
| 46. | Baik Pulih dan Menaik Taraf Pejabat Agama Islam Daerah | 600,000 | 207,788.33 | 34.6 | |
| 47. | Menaik Taraf Masjid Seksyen 13 Shah Alam | 170,000 | 80,046.05 | 47.1 | |
| 48. | Menaik Taraf Masjid Jamek Pekan Kajang | 340,936 | 48,064 | 14.1 | |

| BIL. | PERIHAL PROJEK | ANGGARAN (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | PERATUS BELANJA (%) | SEBAB |
|--------------------------|------------------------------------|---------------|---------------------------|---------------------|--|
| 49. | Kerja-kerja Awalan dan Dokumentasi | 20,000 | 7,109.33 | 35.5 | |
| JABATAN VETERINAR | | | | | |
| 50. | Program Peranian Berhadasi DIY | 70,000 | 22,820 | 32.6 | Syarikat yang dilantik untuk membekal makanan binatang berjumlah RM22,000 gagal menghantar bekalan makanan sehingga tarikh penutupan akaun menyebabkan kontrak bekalan telah dibatalkan. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

8.1.2. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11

- a. Di bawah RMKe-11, sebanyak 308 projek fizikal telah dirancang untuk dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 83 projek telah disiapkan, 91 projek dalam peringkat pelaksanaan dan 134 projek berstatus belum mula/dalam perancangan/batal. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 32** dan **Carta 7**.

RMKe-11

Peruntukan - **RM1.660 bilion**
Perbelanjaan - **RM1.427 bilion**

Projek Siap - **83**
Sedang Dilaksanakan - **91**
Belum Mula/Dalam Perancangan/Batal - **134**


JADUAL 32
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11

| BIL. | JABATAN/PEJABAT PELAKSANA | BILANGAN PROJEK DILULUSKAN | STATUS PROJEK | | |
|---------------|--|----------------------------|---------------|---------------------|-----------------------------------|
| | | | SIAP | SEDANG DILAKSANAKAN | BELUM MULA/DALAM PERANCANGA/BATAL |
| 1. | Jabatan Agama Islam Selangor | 100 | 28 | 23 | 49 |
| 2. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor | 82 | 23 | 39 | 20 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya | 81 | 17 | 15 | 49 |
| 4. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 34 | 15 | 7 | 12 |
| 5. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 9 | - | 5 | 4 |
| 6. | Jabatan Pertanian Negeri Selangor | 2 | - | 2 | - |
| JUMLAH | | 308 | 83 | 91 | 134 |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

Nota: Jabatan Perhutanan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta Perbendaharaan Negeri Selangor hanya melaksanakan projek bukan fizikal dan tidak disenaraikan.

CARTA 7
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri

b. Analisis lanjut terhadap pencapaian pelaksanaan projek RMKe-11 sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

- i. Daripada 91 projek dalam pelaksanaan, sebanyak 30 projek yang lewat jadual. Antara faktor yang menyumbang kepada projek lewat jadual adalah disebabkan pengalihan utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM), terdapat setingan dan struktur perniagaan haram di tapak pembinaan, masalah pengambilalihan tanah serta kelemahan pengurusan kontrak. Lima (5) projek lewat jadual dengan anggaran peruntukan pembangunan RMKe-11 Tahun 2018 yang tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
PROJEK LEWAT JADUAL DENGAN ANGGARAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RMKe-11

| BIL. | PROJEK | JABATAN | PERUNTUKAN (RM Juta) |
|------|--|--|----------------------|
| 1. | Tempat Letak Kereta Awam Seksyen 5 Shah Alam | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 19.00 |
| 2. | Membina Jambatan di atas Lebuhraya Utara Selatan di Jalan batu Arang ke Batang Berjuntai | Jabatan Kerja Raya | 15.00 |
| 3. | Menaik taraf Laluan B1 dan B202 dari Pekan Meru ke Puncak Alam | Jabatan Kerja Raya | 14.80 |
| 4. | Menaik taraf Jalan B48 dari Simpang Tiga Jenderam ke Pekan Sepang Lama | Jabatan Kerja Raya | 10.82 |
| 5. | Menaik taraf Jalan B23 Jalan Sungai Tua dan Persimpangan Kampung Bendahara, Sungai Tua | Jabatan Kerja Raya | 7.27 |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

- ii. Daripada 134 projek Belum Mula/Dalam Perancangan/Batal, sebanyak 19 projek belum dimulakan, 35 projek sedang dalam perancangan dan 80 projek telah dibatalkan. Butiran projek Belum Mula/Dalam Perancangan/Batal mengikut Jabatan adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
PROJEK BELUM MULA/DALAM PERANCANGAN/BATAL

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | STATUS PROJEK | | |
|---------------|--|---------------|-------------------|-----------|
| | | BELUM MULA | DALAM PERANCANGAN | BATAL |
| 1. | Jabatan Agama Islam Selangor | - | 13 | 36 |
| 2. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor | 1 | 7 | 12 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya | 11 | 8 | 30 |
| 4. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 7 | 5 | - |
| 5. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 0 | 2 | 2 |
| 6. | Jabatan Pertanian Negeri Selangor | - | - | - |
| JUMLAH | | 19 | 35 | 80 |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

- iii. Daripada 19 projek yang belum dimulakan, sebanyak 11 projek mempunyai peruntukan token dan lapan (8) projek tidak mempunyai peruntukan tahun 2018. Antara sebab projek belum dimulakan ialah kerana memberi laluan kepada pelaksanaan projek yang perlu diberi keutamaan.
- iv. Sebanyak 80 projek pembangunan RMKe-11 telah dibatalkan melibatkan 36 projek di bawah Jabatan Agama Islam Selangor, 30 projek di bawah Jabatan Kerja Raya, 12 Projek di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran serta dua (2) projek di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Antara sebab projek dibatalkan ialah kerana kos yang diperlukan melebihi siling projek dan memberi laluan kepada pelaksanaan projek yang perlu diberi keutamaan selaras dengan anggaran peruntukan pembangunan RMKe-11 yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri. Daripada 80 projek yang dibatalkan, tiga (3) projek mempunyai peruntukan, 22 projek mempunyai peruntukan token dan 55 projek tidak mempunyai peruntukan tahun 2018. Projek yang telah dibatalkan dan mempunyai peruntukan adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
JUSTIFIKASI PEMBATALAN PROJEK DALAM RMKe-11

| BIL. | PROJEK | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM) | PERUNTUKAN KEMASKINI (RM) | JUSTIFIKASI |
|---|--|----------------------------|---------------------------|---|
| JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR | | | | |
| 1. | Menaik taraf Persimpangan dan Mengganti Jambatan di Jalan Kuala Kali-Rasa (B115) ke Laluan Persekutuan 1, Seksyen 441.00 | 500,000.00 | 40,000.00 | Cadangan skop projek melibatkan Jalan Persekutuan. |
| JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN | | | | |
| 2. | Projek Tebatan Banjir di Kampung Rantau Panjang | 1,500,000.00 | 95,000.00 | Kos yang diperlukan jauh melebihi siling projek dan tiada kejadian banjir dilaporkan dalam tempoh tiga (3) tahun. |
| 3. | Projek Tebatan Banjir di Sungai Kelinsing, Mukim Dengkil. | 1,000,000.00 | 13,000.00 | Kos yang diperlukan jauh melebihi siling projek dan tiada kejadian banjir dilaporkan dalam tempoh dua (2) tahun. |

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan Jabatan Kerja Raya Selangor

8.1.3. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

- a. Kumpulan wang ini diwujudkan bertujuan memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada penjawat awam Negeri, Anggota Pentadbiran Negeri dan Ahli Dewan Negeri Selangor serta Badan Berkanun Negeri (Lembaga Urus Air Selangor dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sahaja) untuk membeli hartanah berupa tanah dan/atau rumah. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Akaun Hasil Disatukan dan bayaran balik pinjaman perumahan. Unit Pinjaman, Perbendaharaan Negeri Selangor bertanggungjawab meluluskan pinjaman dan menyelenggara rekod perakaunan berkaitan pengeluaran dan bayaran balik pinjaman perumahan.
- b. Baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan menurun sejumlah RM6.05 juta (24.7%) daripada RM24.47 juta pada akhir tahun 2017 kepada RM18.42 juta pada akhir tahun 2018. Penurunan ini disebabkan oleh pinjaman diberi adalah melebihi bayaran balik dan faedah pinjaman sejumlah RM6.05 juta. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada akhir tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|----------------|----------------|--------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 24.47 | 5.13 | 19.34 | 377.0 |
| Tambahan Caruman Pinjaman | 0.00 | 20.00 | -20.00 | -100.0 |
| Bayaran Balik Pinjaman | 37.42 | 152.18 | -114.76 | -75.4 |
| Faedah Pinjaman | 1.19 | 0.00 | 1.19 | 100.0 |
| Pinjaman Diberi | 44.66 | 152.84 | -108.18 | -70.8 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 18.42 | 24.47 | -6.05 | -24.7 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.1.4. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2018, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|--|-------------------|-------------------|--------------|------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Akaun Penyelesaian | -170.41 | -168.43 | -1.98 | -1.2 |
| Akaun Perniagaan | 1.98 | 1.41 | 0.57 | 40.4 |
| Akaun Pinjaman | 116.49 | 116.11 | 0.38 | 0.3 |
| Kumpulan Wang Luar Jangka | 8.10 | 8.10 | 0.00 | 0.0 |
| Pelbagai Kumpulan Wang (Termasuk Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri dan Akaun Kena Bayar) | 865.26 | 812.14 | 53.12 | 6.5 |
| JUMLAH | 821.42 | 769.33 | 52.09 | 6.8 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- b. Pada akhir tahun 2018, jumlah baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sejumlah RM52.09 juta (6.8%) kepada RM821.42 juta berbanding RM769.33 juta pada tahun 2017. Penyumbang utama kepada peningkatan ini ialah peningkatan baki Pelbagai Kumpulan Wang sejumlah RM53.12 juta. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh peningkatan ketara urusan niaga Tabung Warisan Negeri Selangor sejumlah RM28.76 juta dan peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri sejumlah RM18.53 juta pada tahun 2018. Sementara itu, baki Akaun Penyelesaian yang berbaki debit telah meningkat sejumlah RM1.98 juta antaranya disumbangkan oleh Pelarasan Akaun Kumpulan Bekalan Air sejumlah RM12.27 juta setiap tahun dan pengurangan baki Akaun Penyelesaian Bendahari Negeri yang berbaki sifar pada tahun 2018. Analisis Audit selanjutnya terhadap Akaun Penyelesaian dan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah seperti berikut:

i. Akaun Penyelesaian

Arahan Perbendaharaan 153 menetapkan semua urusan yang termasuk di bawah Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah

diselesaikan secepat mungkin melalui Akaun Penyelesaian yang diwujudkan. Pada akhir tahun 2018, lima (5) Akaun Penyelesaian tidak berbaki sifar. Akaun yang berkaitan dan penerangan adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
AKAUN PENYELESAIAN TIDAK BERBAKI SIFAR PADA AKHIR TAHUN 2018

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | CATATAN |
|---|-------------------|-------------------|-----------|-------|---|
| | | | (RM Juta) | (%) | |
| Akaun Semasa Antara Pentadbiran | 2.50 | 2.50 | 0.00 | 0.0 | Akaun ini tidak boleh disifarkan kerana merupakan Akaun Peruntukan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga, Akta Tatacara Kewangan 1957. |
| Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan | 2.30 | 2.30 | 0.00 | 0.0 | Akaun ini tidak boleh disifarkan kerana merupakan Akaun Peruntukan kepada Akaun Urus niaga bagi 103 akaun di bawah Akaun Penyelesaian. |
| Pelarasan Akaun Kumpulan Bekalan Air | -184.13 | -196.40 | 12.27 | -6.2 | Pelarasan berperingkat sejumlah RM12.27 juta setiap tahun telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri untuk dilaksanakan selama 20 tahun mulai tahun 2014 sehingga 2033. Akaun ini telah dilaraskan dengan RM12.27 juta bagi tahun 2018 di bawah Maksud Perbelanjaan Tanggungan T04 (Pelbagai di bawah Kod Belanja 42999 - Pemberian dan Bantuan Lain). |
| Akaun Penyelesaian Cek Terbatal | 5.60 | 9.01 | -3.41 | -37.8 | Perbendaharaan Negeri telah mengambil inisiatif bagi mengurangkan jumlah cek yang perlu diganti dengan membuat penggantian cek bagi tahun 2017 dan tahun sebelumnya berjumlah RM3.41 juta. |
| Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT | 3.31 | 0.82 | 2.49 | 303.6 | Terdapat penolakan (<i>rejected</i>) bayaran EFT berjumlah RM2.49 juta pada 27.12.2018. Bagaimanapun, penggantian EFT tersebut telah dibuat pada 2.1.2019. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

ii. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

- Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri diwujudkan untuk mengakaun pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pegawai Pengawal bagi akaun amanah ini ialah Pegawai Kewangan Negeri.

- Panjang jalan negeri di Negeri Selangor menunjukkan peningkatan sejumlah 1,664.96 km dari 19,454.20 km pada tahun 2017 kepada 21,119.16 km pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan oleh perkara seperti berikut:
 - Kenaikan data jalan di bawah PDT melalui projek pencerapan data jalan-jalan kampung yang dijalankan oleh Pihak JKR Selangor bagi tujuan pendaftaran di sistem MARRIS.
 - Pemutihan data jalan di sistem MARRIS oleh setiap agensi bagi memastikan tiada data lama dan pertindihan data berlaku yang dilaksanakan dari semasa ke semasa setiap tahun.
- Pada tahun 2018, jumlah terimaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah sebanyak RM527.16 juta merupakan pemberian jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri meningkat sejumlah RM18.54 juta (13.5%) daripada RM137.30 juta pada tahun 2017 kepada RM155.84 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan terimaan pada tahun 2018 melebihi perbelanjaan berjumlah RM18.54 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 39**.
- Terimaan wang amanah pada tahun 2018 berjumlah RM527.16 juta meningkat sejumlah RM15.23 juta (3%) berbanding RM511.93 juta pada tahun 2017. Peningkatan terimaan disebabkan peningkatan pendaftaran jalan baru di Negeri Selangor dalam Sistem MARRIS *Online* melalui Projek Pencerapan Data Jalan Kampung yang dijalankan oleh JKR Selangor.

JADUAL 39
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGGARAAN JALAN NEGERI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|----------------------------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 137.30 | 370.65 | -233.35 | -63.0 |
| Terimaan | 527.16 | 511.93 | 15.23 | 3.0 |
| Bayaran | 508.62 | 745.28 | -236.66 | -31.8 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 155.84 | 137.30 | 18.54 | 13.5 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri pada akhir tahun 2014 hingga 2018 dan peratus penggunaan (perbelanjaan berbanding terimaan) antara 96.5% hingga 158.9% adalah seperti dalam **Jadual 40**. Pada tahun 2018, prestasi perbelanjaan adalah 96.5% berbanding 145.6% pada tahun 2017.

JADUAL 40
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGGARAAN JALAN NEGERI TAHUN 2014 HINGGA 2018

| TAHUN | BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta) | TERIMAAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta) | PENGGUNAAN (%) |
|-------|-------------------------------|--------------------|------------------------|---------------------------------|----------------|
| 2014 | 822.09 | 523.75 | 541.90 | 803.94 | 103.5 |
| 2015 | 803.94 | 470.58 | 747.67 | 526.85 | 158.9 |
| 2016 | 526.85 | 496.90 | 653.10 | 370.65 | 131.4 |
| 2017 | 370.65 | 511.93 | 745.28 | 137.30 | 145.6 |
| 2018 | 137.30 | 527.16 | 508.62 | 155.84 | 96.5 |

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

8.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada kerajaan negeri, badan lain dan orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Pada akhir tahun 2018, kerajaan negeri mempunyai 54 akaun amanah awam yang berbaki RM423.29 juta. Baki ini menurun sejumlah RM109.99 juta (20.6%) berbanding RM533.28 juta pada tahun 2017. Butiran seperti dalam **Jadual 41**. Penyumbang utama kepada penurunan baki ini adalah disebabkan penurunan baki Akaun Amanah Inisiatif Peduli Rakyat yang ketara berjumlah RM75.76 juta dan Akaun Amanah Tabung Infrastruktur Sosial berjumlah RM22.90 juta. Bagaimanapun pada tahun 2018 tiada akaun amanah baru diwujudkan.

JADUAL 41
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|----------------|----------------|----------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 533.28 | 321.90 | 211.38 | 65.7 |
| Terimaan | 357.00 | 541.09 | -184.09 | -34.0 |
| Bayaran | 466.99 | 329.71 | 137.28 | 41.6 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 423.29 | 533.28 | -109.99 | -20.6 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.2.2. Pekeliling Perbendaharaan (PP) – Pengurusan Wang Awam (WP) 10.4 menetapkan akaun amanah awam yang telah mencapai maksud penubuhannya, tidak diperlukan lagi, tidak lagi aktif untuk tempoh setahun hendaklah ditutup. Pada tahun 2018, dua (2) akaun amanah awam telah ditutup kerana tidak diperlukan lagi.

8.3. Akaun Deposit

8.3.1. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Pada akhir tahun 2018, kerajaan negeri mempunyai 21 Akaun Deposit berbaki RM344.24 juta yang diselenggarakan oleh 21 jabatan. Kedudukan Akaun Deposit pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 42**.

JADUAL 42
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|-------------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Deposit Am | 343.30 | 252.00 | 91.30 | 36.2 |
| Deposit Pelarasan | 0.94 | 0.02 | 0.92 | 4,600.0 |
| JUMLAH | 344.24 | 252.02 | 92.22 | 36.6 |


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.3.2. Analisis Audit menunjukkan baki deposit telah meningkat sejumlah RM92.22 juta kepada RM344.24 juta pada tahun 2018 berbanding RM252.02 juta pada tahun 2017. Penyumbang utama kepada peningkatan ini adalah peningkatan baki Akaun Deposit Cagaran JKR Jabatan Kerja Raya Daerah Klang serta Jabatan Kerja Raya Daerah Sepang masing-masing sejumlah RM11.99 juta dan RM10.59 juta.

8.3.3. Deposit yang dikutip dan telah mencapai tujuannya tetapi tidak dituntut oleh pendeposit selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit diterima boleh dikembalikan kepada pendeposit dan hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang telah diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga (3) bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Sehingga 31 Disember 2018, deposit tahun lalu telah berkurangan sejumlah RM56.68 juta.

8.3.4. Kedudukan Akaun Deposit bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 8**. Baki Akaun Deposit menunjukkan peningkatan setiap tahun. Peningkatan baki Akaun Deposit pada tahun 2018 merupakan peningkatan yang paling ketara dalam tempoh lima (5) tahun. Peningkatan ini disebabkan oleh peletakan deposit tahun 2018 sejumlah RM148.90 juta.

CARTA 8
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti kerajaan negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Liabiliti kerajaan negeri terdiri daripada Hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2018 adalah berjumlah RM1.295 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM107.33 juta (9%) berbanding RM1.188 bilion pada tahun 2017. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| KATEGORI PEMINJAM | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|-------------------|-------------------|---------------|------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Badan Berkanun Negeri | 72.00 | 88.00 | -16.00 | -18.2 |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 86.31 | 81.68 | 4.63 | 5.7 |
| Badan-badan Lain | 1,136.62 | 1,017.92 | 118.70 | 11.7 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 1,294.93 | 1,187.60 | 107.33 | 9.0 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.1.2. Peningkatan baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM107.33 juta pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah disebabkan jumlah penyaluran pembiayaan pinjaman berjumlah RM148.19 juta serta jumlah faedah yang dikenakan berjumlah RM31.95 juta adalah lebih tinggi berbanding jumlah penerimaan bayaran balik dan/atau pelupusan bayaran pokok/faedah berjumlah RM72.81 juta. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 44**. Pada akhir tahun 2018, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. merupakan peminjam yang menerima penyaluran pinjaman tertinggi iaitu sejumlah RM100 juta. Selain itu, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor merupakan peminjam yang membuat bayaran balik tertinggi iaitu sejumlah RM19.20 juta. Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) pula merupakan peminjam yang mempunyai baki pinjaman tertinggi iaitu sejumlah RM668.03 juta.

JADUAL 44
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2018

| AGENSI PEMINJAM | BAKI PINJAMAN 1.1.2018 (RM Juta) | PENYALURAN PINJAMAN BARU/LAMA (RM Juta) | FAEDAH YANG DIKENAKAN DALAM TAHUN 2018 (RM Juta) | BAYARAN BALIK DAN/ATAU PELUPUSAN BAYARAN POKOK/FAEDAH (RM Juta) | BAKI PINJAMAN 31.12.2018 (RM Juta) |
|-------------------------------------|----------------------------------|---|--|---|------------------------------------|
| BADAN BERKANUN NEGERI | | | | | |
| Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 88.00 | 0.00 | 3.20 | 19.20 | 72.00 |
| JUMLAH | 88.00 | 0.00 | 3.20 | 19.20 | 72.00 |
| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | | | | | |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 13.85 | 0.00 | 0.00 | 1.39 | 12.46 |
| Majlis Perbandaran Selayang | 4.50 | 0.00 | 0.00 | 2.76 | 1.74 |
| Majlis Daerah Sabak Bernam | 8.96 | 0.00 | 0.00 | 0.79 | 8.17 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 24.33 | 0.00 | 7.76 | 12.63 | 19.46 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 23.83 | 0.00 | 0.54 | 6.25 | 18.12 |
| Majlis Perbandaran Kajang | 4.54 | 0.00 | 0.06 | 2.28 | 2.32 |
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 1.67 | 19.41 | 0.14 | 1.37 | 19.85 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 0.00 | 4.19 | 0.00 | 0.00 | 4.19 |
| JUMLAH | 81.68 | 23.60 | 8.50 | 27.47 | 86.31 |

| AGENSI PEMINJAM | BAKI PINJAMAN 1.1.2018 (RM Juta) | PENYALURAN PINJAMAN BARU/LAMA (RM Juta) | FAEDAH YANG DIKENAKAN DALAM TAHUN 2018 (RM Juta) | BAYARAN BALIK DAN/ATAU PELUPUSAN BAYARAN POKOK/FAEDAH (RM Juta) | BAKI PINJAMAN 31.12.2018 (RM Juta) |
|--|----------------------------------|---|--|---|------------------------------------|
| BADAN-BADAN LAIN | | | | | |
| Kumpulan Darul Ehsan Berhad | 657.37 | 0.00 | 18.26 | 7.60 | 668.03 |
| Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. | 100.85 | 3.24 | 1.99 | 0.00 | 106.08 |
| Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. | 88.22 | 100.00 | 0.00 | 0.00 | 188.22 |
| Konsortium ABASS Sdn. Bhd. | 26.00 | 0.00 | 0.00 | 2.00 | 24.00 |
| Yayasan Selangor | 21.81 | 0.00 | 0.00 | 3.00 | 18.81 |
| Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor | 14.34 | 0.00 | 0.00 | 0.42 | 13.92 |
| Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor | 10.68 | 7.79 | 0.00 | 0.40 | 18.07 |
| Kolej Antarabangsa INPENS | 4.18 | 0.13 | 0.00 | 0.10 | 4.21 |
| Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. | 0.21 | 0.00 | 0.00 | 0.12 | 0.09 |
| KDEB Waste Management Sdn. Bhd. | 36.56 | 12.37 | 0.00 | 0.00 | 48.93 |
| Yayasan Hijrah Selangor | 50.00 | 0.00 | 0.00 | 12.50 | 37.50 |
| Landasan Lumayan Sdn. Bhd. | 7.70 | 1.06 | 0.00 | 0.00 | 8.76 |
| JUMLAH | 1,017.92 | 124.59 | 20.25 | 26.14 | 1,136.62 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 1,187.60 | 148.19 | 31.95 | 72.81 | 1,294.93 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

9.1.3. Analisis Audit terhadap Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut tahun 2018 seperti dalam **Jadual 45** mendapati perkara seperti berikut:

- a. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah menyalurkan pinjaman berjumlah RM148.19 juta di mana sejumlah RM124.59 juta adalah untuk enam (6) pinjaman yang telah disalurkan pada tahun 2017. Penyaluran pinjaman sejumlah RM23.60 juta adalah untuk dua (2) pinjaman yang diluluskan pada tahun 2015. Pinjaman tersebut adalah bagi pembinaan bangunan pejabat baru dan pasar yang berjumlah RM42.94 juta serta tempoh penyaluran pinjaman adalah sehingga 30 Jun 2017 dan 30 November 2018. Pinjaman tersebut hanya dapat disalurkan pada tahun 2018 susulan daripada masalah yang dihadapi di tapak pembinaan dan penamatan kontraktor mengambil tempoh yang agak panjang untuk diselesaikan. Perkara ini menyebabkan perjanjian tambahan ditandatangani bagi membolehkan penyaluran pinjaman dan penjadualan semula bayaran balik pinjaman dapat dibuat.

- b. Sejumlah RM59.48 juta (81.7%) daripada RM72.81 juta bayaran balik dan/atau pelupusan bayaran pokok atau faedah merupakan bayaran balik pinjaman. Baki sejumlah RM13.33 juta (18.3%) adalah pelupusan bayaran pokok atau faedah yang melibatkan pelupusan berjumlah RM5.57 juta berdasarkan kelulusan yang dibuat pada tahun sebelumnya dan sejumlah RM7.76 juta pada tahun semasa. Kesemua amaun pelupusan yang diluluskan pada tahun semasa adalah ke atas faedah pinjaman Majlis Perbandaran Ampang Jaya susulan daripada kelulusan permohonan pengecualian yang dibuat.
- c. KDEB dan Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYS) merupakan peminjam pertama dan ketiga tertinggi pada tahun 2018. Kedua-dua peminjam ini tidak membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan serta mempunyai bayaran balik pinjaman yang masih belum matang. Analisis ke atas kedudukan pinjaman KDEB dan PIYS adalah seperti berikut:
- i. Baki pinjaman KDEB pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM668.03 juta iaitu peningkatan sejumlah RM10.66 juta berbanding baki yang dicatatkan pada tahun 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan KDEB tidak dapat membayar faedah semasa berjumlah RM16.53 juta yang matang pada tahun 2018 serta baki pinjaman berjumlah RM408.20 juta yang juga sepatutnya dibayar sekali gus pada tahun 2018. Selain itu, kedudukan ini juga disebabkan proses untuk mempermodalkan keseluruhan pinjaman berserta faedah berjumlah RM222.65 juta seperti mana yang diluluskan oleh MMKN pada 11 Januari 2017 masih belum dapat dilaksanakan kerana proses penstrukturan semula air di Negeri Selangor masih belum dimuktamadkan.
- ii. Pada tahun 2018, PIYS mencatatkan peningkatan baki pinjaman daripada RM100.85 juta kepada RM106.08 juta. Selain itu, pinjaman ini juga tidak menunjukkan pergerakan bayaran balik pinjaman memandangkan bayaran terakhir yang dibuat adalah pada tahun 2012. Sehingga 31 Disember 2018 tunggakan yang dicatatkan oleh PIYS berjumlah RM37.26 juta. Faktor utama yang menyebabkan keadaan ini berlaku adalah kerana PIYS tidak membuat bayaran pokok dan faedah semasa mengikut jadual yang ditetapkan susulan daripada kedudukan kewangan PIYS yang masih belum kukuh.


9.1.4. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 45** dan **Carta 9**.

JADUAL 45
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2014 HINGGA 2018

| AGENSI PEMINJAM | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|--|---------------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|
| BADAN BERKANUN NEGERI | | | | | |
| Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 120.00 | 104.00 | 88.00 | 88.00 | 72.00 |
| Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | 60.79 | 50.44 | 34.63 | 0.00 | 0.00 |
| Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 5.71 | 2.20 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| JUMLAH | 186.50 | 156.64 | 122.63 | 88.00 | 72.00 |
| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | | | | | |
| Majlis Daerah Kuala Selangor | 14.34 | 14.54 | 13.85 | 13.85 | 12.46 |
| Majlis Perbandaran Selayang | 12.90 | 10.42 | 7.48 | 4.50 | 1.74 |
| Majlis Daerah Sabak Bernam | 9.53 | 9.59 | 8.51 | 8.96 | 8.17 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 2.88 | 7.91 | 25.16 | 24.33 | 19.46 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 1.80 | 7.23 | 18.82 | 23.83 | 18.12 |
| Majlis Perbandaran Kajang | 9.10 | 6.58 | 6.85 | 4.54 | 2.32 |
| Majlis Bandaraya Shah Alam | 6.74 | 4.14 | 2.90 | 1.67 | 19.85 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 4.19 |
| JUMLAH | 57.29 | 60.41 | 83.57 | 81.68 | 86.31 |
| BADAN-BADAN LAIN | | | | | |
| Kumpulan Darul Ehsan Berhad | 659.47 | 658.77 | 658.07 | 657.37 | 668.03 |
| Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. | 54.13 | 56.11 | 58.10 | 100.85 | 106.08 |
| Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. | 0.00 | 33.22 | 33.22 | 88.22 | 188.22 |
| Konsortium ABASS Sdn. Bhd. | 26.82 | 30.00 | 28.00 | 26.00 | 24.00 |
| Yayasan Selangor | 32.31 | 27.98 | 24.81 | 21.81 | 18.81 |
| Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor | 14.34 | 14.34 | 14.34 | 14.34 | 13.92 |
| Amanah Saham Selangor | 12.00 | 8.00 | 4.00 | 0.00 | 0.00 |
| Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor | 1.80 | 1.43 | 5.91 | 10.68 | 18.07 |
| Kolej Antarabangsa INPENS | 17.00 | 0.77 | 1.21 | 4.18 | 4.21 |
| Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. | 0.00 | 0.45 | 0.33 | 0.21 | 0.09 |
| KDEB Waste Management Sdn. Bhd. | 0.00 | 0.00 | 3.93 | 36.56 | 48.93 |
| Yayasan Hijrah Selangor | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 50.00 | 37.50 |
| Landasan Lumayan Sdn. Bhd. | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 7.70 | 8.76 |
| JUMLAH | 817.87 | 831.07 | 831.92 | 1,017.92 | 1,136.62 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 1,061.66 | 1,048.12 | 1,038.12 | 1,187.60 | 1,294.93 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

CARTA 9
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

9.1.5. Perbandingan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut antara tahun 2018 dengan 2017 seperti dalam **Jadual 46** menunjukkan peningkatan sejumlah RM428.01 juta (549.4%) kesan daripada peningkatan ketara amaun tunggakan yang dicatatkan oleh Badan-badan Lain. Faktor utama yang menyebabkan peningkatan ketara tersebut adalah kerana KDEB tidak dapat menjelaskan keseluruhan baki pinjaman berserta faedah berjumlah RM424.73 juta pada tahun 2018 seperti mana yang dijadualkan. Penurunan tunggakan Pihak Berkuasa Tempatan pula antaranya disebabkan pada tahun 2018 pelupusan pinjaman secara berperingkat bagi Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam mula dilaksanakan serta Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menyelesaikan keseluruhan tunggakan tahun 2017.

JADUAL 46
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| AGENSI PEMINJAM | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|-------------------------|-------------------|-------------------|---------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Badan Berkanun Negeri | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 14.67 | 17.16 | -2.49 | -14.5 |
| Badan-badan Lain | 491.24 | 60.74 | 430.50 | 708.8 |
| JUMLAH | 505.91 | 77.90 | 428.01 | 549.4 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.1.6. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain kepada kerajaan negeri pada akhir tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2014 HINGGA 2018

| AGENSI PEMINJAM | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|-------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Badan Berkanun Negeri | 22.04 | 18.90 | 10.36 | 0.00 | 0.00 |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 7.28 | 10.82 | 10.12 | 17.16 | 14.67 |
| Badan-badan Lain | 55.82 | 48.59 | 54.68 | 60.74 | 491.24 |
| JUMLAH | 85.14 | 78.31 | 75.16 | 77.90 | 505.91 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan kerajaan negeri dalam syarikat melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pelaburan. Pelaburan ini dibuat sama ada menggunakan peruntukan mengurus atau pembangunan. Kedudukan pelaburan mengikut nilai buku pada 31 Disember 2018 bagi sembilan (9) syarikat adalah berjumlah RM191.10 juta. Jumlah pelaburan ini tidak berubah bagi empat (4) tahun berturut-turut sejak dari tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 48**. PNB membuat pembayaran dividen berjumlah RM67,385.14 kepada kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding tiada pada tahun 2017. Dividen terkumpul yang diterima mulai tahun 2014 hingga 2018 berjumlah RM93,903 adalah seperti dalam **Jadual 49**.

JADUAL 48
KEDUDUKAN PELABURAN MELALUI
MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN) [MBI] TAHUN 2014 HINGGA 2018

| SYARIKAT | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|--|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) | 104.06 | 104.06 | 104.06 | 104.06 | 104.06 |
| Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYS) | 0.64 | 60.64 | 60.64 | 60.64 | 60.64 |
| Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) | 24.00 | 24.00 | 24.00 | 24.00 | 24.00 |
| Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM) | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 |
| Invest Selangor Berhad (ISB) | 0.60 | 0.60 | 0.60 | 0.60 | 0.60 |
| Perbadanan Nasional Berhad (PNB) | 0.50 | 0.50 | 0.50 | 0.50 | 0.50 |
| Tourism Selangor Sdn. Bhd. | 0.30 | 0.30 | 0.30 | 0.30 | 0.30 |
| Rantaian Mesra Sdn. Bhd.* | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.* (KSSB) | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| JUMLAH | 131.10 | 191.10 | 191.10 | 191.10 | 191.10 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

Nota: (*) - Saham Bernilai RM2 Mulai Tahun 2008

JADUAL 49
DIVIDEN DITERIMA TAHUN 2014 HINGGA 2018

| TAHUN | JUMLAH PELABURAN (RM Juta) | DIVIDEN DITERIMA | | SYARIKAT YANG MEMBAYAR |
|---------------|----------------------------|------------------|------------------|------------------------|
| | | JUMLAH (RM) | TAHUN KEWANGAN | |
| 2014 | 131.10 | 11,946 | 2012 - 2014 | PNB |
| 2015 | 191.10 | 0 | - | - |
| 2016 | 191.10 | 14,572 | 2009, 2013, 2014 | PNB |
| 2017 | 191.10 | 0 | - | - |
| 2018 | 191.10 | 67,385 | 2016 dan 2017 | PNB |
| JUMLAH | | 93,903 | | |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

9.2.2. Pada tahun 2018, kerajaan negeri menerima pembayaran dividen tunai daripada PNB berjumlah RM67,385. Bagaimanapun, MBI dan empat (4) anak syarikatnya iaitu PNSB, KDEB, DEFM dan KSSB telah memberi pelbagai sumbangan berjumlah RM60.02 juta untuk menjayakan program dan aktiviti Kerajaan Negeri Selangor seperti **Jadual 50**. PNSB merupakan penyumbang tertinggi iaitu berjumlah RM3.43 juta. Manakala empat (4) syarikat lain iaitu PIYS, Tourism Selangor Sdn. Bhd., Invest Selangor Bhd. dan Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. yang tidak membayar dividen merupakan syarikat berorientasikan bukan keuntungan.

JADUAL 50
SUMBANGAN DITERIMA PADA TAHUN 2018

| SYARIKAT | BENTUK SUMBANGAN | | | | | | | JUMLAH (RM Juta) |
|---------------|---------------------------|--------------------------|-----------------------------|-------------------------------------|--------------------------|--------------------------|-------------------------------|------------------|
| | WIFI SELANGORKU (RM Juta) | KOMUNIKASI SEL (RM Juta) | SAMBUTAN PERAYAAN (RM Juta) | BOLA SEPAK SELANGOR (FAS) (RM Juta) | SUKAN SELANGOR (RM Juta) | SUMBANGAN HAJI (RM Juta) | LAIN-LAIN SUMBANGAN (RM Juta) | |
| MBI | 13.95 | 5.00 | 1.12 | 0.41 | 0.61 | 1.34 | 31.33 | 53.76 |
| PNSB | 0 | 0 | 0.97 | 0.45 | 0.10 | 0 | 1.91 | 3.43 |
| KDEB | 0 | 0 | 0.45 | 0 | 0 | 0 | 0.17 | 0.62 |
| DEFM | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0.05 | 0.05 |
| KSSB | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2.16 | 2.16 |
| JUMLAH | 13.95 | 5.0 | 2.54 | 0.86 | 0.71 | 1.34 | 35.62 | 60.02 |

Sumber: Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI]

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Hutang Awam kerajaan negeri pada akhir tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 51**.

JADUAL 51
HUTANG AWAM TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BIL. | BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------|--|-------------------|-------------------|---------------|-------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Projek Bekalan Air | 1,072.33 | 1,084.68 | -12.35 | -1.1 |
| 2. | Amanah Saham Selangor | 9.92 | 11.36 | -1.44 | -12.7 |
| 3. | Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya | 21.12 | 24.87 | -3.75 | -15.1 |
| | JUMLAH | 1,103.37 | 1,120.91 | -17.54 | -1.6 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.3.2. Pada tahun 2018, Hutang Awam telah mencatatkan penurunan sejumlah RM17.54 juta (1.6%) kepada RM1.103 bilion berbanding RM1.121 bilion pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan jumlah terimaan wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM17.68 juta pada tahun 2018 untuk membiayai projek bekalan air telah berkurangan sejumlah RM34.40 juta berbanding tahun 2017 serta bayaran balik hutang yang telah dibuat berjumlah RM11.95 juta. Terimaan wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM17.68 juta adalah bagi membiayai Projek Pelaksanaan Program Mitigasi Tambahan Bagi Mengurangkan Risiko Berlakunya Krisis Air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Projek Menaiktaraf Rumah Pam). Manakala bayaran balik Hutang Awam terdiri daripada bayaran balik pinjaman bagi tiga (3) Projek Bekalan Air Negeri Selangor. Bayaran balik pinjaman tertinggi ialah Penjadualan Semula Pinjaman Projek Bekalan Air Negeri Selangor tahun 2018 dan tunggakan tahun 2017 berjumlah RM24.72 juta yang dibuat oleh pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) terus kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018. Selain itu, Projek Menaik Taraf Stesen Mengepam Air Mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 berjumlah RM2.31 juta yang merupakan bayaran tahun 2018 serta Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih berjumlah RM3 juta yang merupakan tunggakan tahun 2017 dan bayaran tahun 2018. Bayaran balik pinjaman bagi Amanah Saham Selangor adalah berjumlah RM1.44 juta dan Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya adalah berjumlah RM3.75 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 52**.

**JADUAL 52
PERGERAKAN HUTANG AWAM TAHUN 2018**


| BUTIRAN | BAKI PADA 1 JAN 2018 (RM Juta) | TERIMAAN PINJAMAN (RM Juta) | BAYARAN POKOK PINJAMAN (RM Juta) | BAKI PADA 31 DIS 2018 (RM Juta) |
|---|--------------------------------------|-----------------------------------|---|--|
| PROJEK BEKALAN AIR | | | | |
| a. Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (No. Pinjaman: 110B/2012/041) | 30.00 | 0.00 | 3.00 | 27.00 |
| b. Projek Menaik Taraf Stesen Mengepam Air Mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (No. Pinjaman: 110B/2011/050) | 41.65 | 0.00 | 2.31 | 39.34 |
| c. Penjadualan Semula Pinjaman Projek Bekalan Air Negeri Selangor (No. Pinjaman: 110B/2011/051) | 682.40 | 0.00 | 24.72 | 657.68 |
| d. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (No. Pinjaman: 110B/2012/038) | 66.94 | 0.00 | 0.00 | 66.94 |
| e. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (No. Pinjaman: 110B/2012/039) | 81.00 | 0.00 | 0.00 | 81.00 |
| f. Projek Skim Pemindahan Pukal Rasa (No. Pinjaman: 110B/2012/040) | 37.90 | 0.00 | 0.00 | 37.90 |
| g. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP 1) (No. Pinjaman: 110B/2016/001) | 20.17 | 0.00 | 0.00 | 20.17 |
| h. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP 3) Bukit Badong. (No. Pinjaman: 110B/2016/002) | 67.07 | 0.00 | 0.00 | 67.07 |
| i. Projek Menaik Taraf dan Meningkatkan Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Langat (No. Pinjaman: 110B/2016/056) | 48.18 | 0.00 | 0.00 | 48.18 |
| j. Pelaksanaan Program Mitigasi Tambahan bagi Mengurangkan Risiko Berlakunya Krisis Bekalan Air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Projek Menaik Taraf Rumah Pam) (No. Pinjaman: 110B/2016/057) | 9.36 | 17.68 | 0.00 | 27.04 |
| JUMLAH | 1,084.68 | 17.68 | 30.03 | 1,072.33 |
| Amanah Saham Selangor | 11.36 | 0.00 | 1.44 | 9.92 |
| Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya | 24.87 | 0.00 | 3.75 | 21.12 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 1,120.91 | 17.68 | 35.22 | 1,103.37 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

Nota: RM35.22 juta + RM1.45 juta (Faedah Pinjaman) – RM24.72 juta (Bayaran Balik Pinjaman 2018 dan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman 2017 yang Dibuat oleh SYABAS Terus Kepada Kerajaan Persekutuan pada Tahun 2018) = RM11.95 juta

9.3.3. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2014 hingga 2018 tidak mengalami perubahan yang ketara seperti dalam **Carta 10**.

CARTA 10
KEDUDUKAN HUTANG AWAM TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

9.3.4. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 53**.

JADUAL 53
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK HUTANG AWAM TAHUN 2014 HINGGA 2018

| BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| 1. Projek Bekalan Air | 12.36 | 12.36 | 14.67 | 13.86 | 0.00 |
| 2. Perumahan Awam Kos Rendah | 22.73 | 14.73 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| JUMLAH | 35.09 | 27.09 | 14.67 | 13.86 | 0.00 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

9.3.5. Baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam mulai menurun dari tahun 2014 hingga 2018. Pada akhir tahun 2018, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat bayaran balik pinjaman pada masa yang telah ditetapkan seperti dalam perjanjian tanpa apa-apa tunggakan.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Nota ini memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun

Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah wang yang sepatutnya diterima oleh kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. ABT terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Pada tahun 2018, baki ABT berjumlah RM823.49 juta iaitu meningkat sejumlah RM453.38 juta (122.5%) berbanding RM370.11 juta pada tahun 2017. Kedudukan ABT pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 54**.

JADUAL 54
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| BUTIRAN | | 2018 (RM) | 2017 (RM) | PERUBAHAN | |
|---|---|--------------------|--------------------|--------------------|--------------|
| | | | | (RM) | (%) |
| TUNGGAKAN HASIL | | | | | |
| 1. | Cukai Tanah | 311,557,833 | 284,164,137 | 27,393,696 | 9.6 |
| 2. | Lain-lain Hasil | 3,980,814 | 1,400,583 | 2,580,231 | 184.2 |
| 3. | Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer | 748,430 | 0 | 748,430 | 100.0 |
| 4. | Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia | 71,342 | 71,612 | -270 | -0.4 |
| 5. | Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut: | | | | |
| | a. Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. | 17,775,509 | 15,133,966 | 2,641,543 | 17.5 |
| | b. Majlis Perbandaran Subang Jaya | 0 | 643,583 | -643,583 | -100.0 |
| | c. Kumpulan Darul Ehsan Bhd | 16,528,000 | 0 | 16,528,000 | 100.0 |
| JUMLAH | | 350,661,928 | 301,413,881 | 49,248,047 | 16.3 |
| TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN | | | | | |
| 1. | Pinjaman Perumahan/Kenderaan/ Komputer | 0 | 5,387,200 | -5,387,200 | -100.0 |
| 2. | Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia | 742,743 | 744,723 | -1,980 | -0.3 |
| 3. | Pinjaman Boleh Dituntut: | | | | |
| | a. Yayasan Selangor | 15,330,861 | 14,855,023 | 475,838 | 3.2 |
| | b. Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. | 19,482,626 | 16,410,096 | 3,072,530 | 18.7 |
| | c. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor | 13,920,000 | 14,340,115 | -420,115 | -2.9 |
| | d. Majlis Daerah Sabak Bernam | 2,208,110 | 1,520,000 | 688,110 | 45.3 |
| | e. Majlis Daerah Kuala Selangor | 12,465,000 | 12,532,505 | -67,505 | -0.5 |
| | h. Majlis Perbandaran Subang Jaya | 0 | 2,461,577 | -2,461,577 | -100.0 |
| | i. Kumpulan Darul Ehsan Bhd. | 408,200,000 | 0 | 408,200,000 | 100.0 |
| JUMLAH | | 472,349,340 | 68,251,239 | 404,098,101 | 592.1 |
| TUNGGAKAN HUTANG LAIN | | | | | |
| 1. | Jabatan Agama Islam | 168,775 | 171,894 | -3,119 | -1.8 |
| 2. | Mahkamah Tinggi Syariah Negeri | 214,150 | 174,300 | 39,850 | 22.9 |
| 3. | Pejabat Tanah dan Galian | 21,947 | 21,947 | 0 | 0 |
| 4. | Pejabat Daerah dan Tanah Klang (Pentadbiran) | 5,955 | 12,443 | -6,488 | -52.1 |
| 5. | Jabatan Kerja Raya Daerah Gombak | 7,000 | 3,670 | 3,330 | 90.7 |

| BUTIRAN | 2018 (RM) | 2017 (RM) | PERUBAHAN | |
|---|--------------------|--------------------|--------------------|--------------|
| | | | (RM) | (%) |
| 6. Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Langat | 1,925 | 0 | 1,925 | 100.0 |
| 7. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Khidmat Pengurusan | 26,157 | 33,428 | -7,271 | -21.8 |
| 8. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 29,558 | 25,493 | 4,065 | 15.9 |
| JUMLAH | 475,467 | 443,175 | 32,292 | 7.3 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 823,486,735 | 370,108,295 | 453,378,440 | 122.5 |

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.2. Sebahagian besar daripada ABT tahun 2018 berjumlah RM823.49 juta terdiri daripada tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM472.35 juta. Penyumbang utama kepada tunggakan bayaran balik pinjaman adalah pinjaman boleh dituntut Kumpulan Darul Ehsan Bhd. bagi tujuan pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB). Mengikut maklum balas Perbendaharaan Negeri 11 April 2019, notis bayaran balik pinjaman dan faedah pinjaman telah dikeluarkan sebulan sebelum tarikh pinjaman dan faedah pinjaman matang. Bagaimanapun, selaras dengan perbincangan dari semasa ke semasa pihak Perbendaharaan Negeri dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] selaku *Holding Company* kepada KDEB, pihak MBI telah memaklumkan bahawa bayaran awal bagi tujuan penyelesaian hutang berkenaan akan dibuat sebanyak RM150.00 juta pada pertengahan tahun 2019.

10.1.3. Perbandingan tunggakan cukai tanah tahun 2017 dan 2018 menunjukkan tunggakan cukai tanah telah meningkat sejumlah RM27.40 juta (9.6%) berbanding tahun 2017. Kedudukan tunggakan cukai tanah mengikut Pejabat Daerah dan Tanah pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 55**.

JADUAL 55
TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT
PEJABAT DAERAH DAN TANAH TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| PEJABAT DAERAH DAN TANAH | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|--------------------------|-------------------|-------------------|--------------|------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. Petaling | 111.57 | 116.00 | -4.43 | -3.8 |
| 2. Gombak | 52.86 | 44.20 | 8.66 | 19.6 |
| 3. Klang | 56.57 | 46.98 | 9.59 | 20.4 |
| 4. Hulu Selangor | 34.95 | 25.60 | 9.35 | 36.5 |
| 5. Hulu Langat | 31.69 | 31.73 | -0.04 | -0.1 |
| 6. Kuala Selangor | 9.10 | 6.69 | 2.41 | 36.0 |
| 7. Sepang | 8.53 | 8.16 | 0.37 | 4.5 |
| 8. Kuala Langat | 5.30 | 4.06 | 1.24 | 30.5 |
| 9. Sabak Bernam | 0.99 | 0.74 | 0.25 | 33.8 |
| JUMLAH | 311.56 | 284.16 | 27.40 | 9.6 |


Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.4. Peningkatan sejumlah RM9.59 juta di Pejabat Daerah dan Tanah Klang adalah disebabkan oleh ketidaktepatan dalam maklumat terimaan yang belum dikemas kini berikutan migrasi sistem daripada Sistem Pengurusan Hasil Tanah (eSPHT) kepada eHasil.

10.1.5. Manakala peningkatan sejumlah RM9.35 juta di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor adalah disebabkan kurangnya operasi dan penguatkuasaan kutipan dijalankan disebabkan pertukaran sistem hasil daripada eSPHT kepada eHasil.

10.1.6. Analisis kedudukan tunggakan cukai tanah bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Carta 11**.

CARTA 11
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TAHUN 2018 BERBANDING 2017



Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.7. Analisis Audit mendapati daripada jumlah keseluruhan ABT pada tahun 2018 berjumlah RM823.48 juta, sejumlah RM168.83 juta (106.5%) merupakan ABT berusia melebihi enam (6) tahun. Kedudukan ABT berusia melebihi enam (6) tahun adalah seperti dalam **Jadual 56**.

JADUAL 56
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
MELEBIHI ENAM (6) TAHUN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

| KATEGORI/JABATAN | USIA ABT MELEBIHI 6 TAHUN | | PERUBAHAN | |
|--|---------------------------|------------|------------|-------|
| | 2018 (RM) | 2017 (RM) | (RM) | (%) |
| TUNGGAKAN HASIL | | | | |
| 1. Cukai Tanah | 161,226,509 | 75,856,881 | 85,369,628 | 112.5 |
| 2. Lain-lain Hasil | 324,316 | 75,247 | 249,069 | 331.0 |
| 3. Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer | 675,414 | 0 | 675,414 | 100.0 |

| KATEGORI/JABATAN | USIA ABT MELEBIHI 6 TAHUN | | PERUBAHAN | |
|--|---------------------------|-------------------|-------------------|--------------|
| | 2018 (RM) | 2017 (RM) | (RM) | (%) |
| 4. Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia | 71,342 | 71,612 | -270 | -0.4 |
| 5. Perbendaharaan Negeri Selangor (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman) | 2,051,188 | 0 | 2,051,188 | 100.0 |
| JUMLAH | 164,348,769 | 76,003,740 | 88,345,029 | 116.2 |
| TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN | | | | |
| 1. Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer | 0 | 4,924,678 | -4,924,678 | -100.0 |
| 2. Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia | 742,743 | 744,723 | -1,980 | -0.3 |
| 3. Perbendaharaan Negeri Selangor (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman) | 3,552,140 | 0 | 3,552,140 | 100.0 |
| JUMLAH | 4,294,883 | 5,669,401 | -1,374,518 | -24.2 |
| TUNGGAKAN HUTANG LAIN | | | | |
| 1. Jabatan Agama Islam | 168,775 | 92,959 | 75,816 | 81.6 |
| 2. Pejabat Tanah dan Galian Selangor | 21,947 | 0 | 21,947 | 100.0 |
| JUMLAH | 190,722 | 92,959 | 97,763 | 105.2 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 168,834,374 | 81,766,100 | 87,068,274 | 106.5 |

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.8. Berdasarkan jadual di atas, jumlah ABT berusia melebihi enam (6) tahun telah meningkat sejumlah RM87.07 juta (106.5%) berbanding RM81.77 juta pada tahun 2017. Faktor utama bagi peningkatan adalah disebabkan peningkatan tunggakan hasil cukai tanah berusia melebihi enam (6) tahun sejumlah RM85.37 juta berbanding tahun 2017. Mengikut maklum balas Perbendaharaan Negeri bertarikh 11 April 2019, antara sebab bagi peningkatan ABT ini adalah kerana sistem baru bagi kutipan cukai tanah (eHasil) yang diguna pakai bermula pada pertengahan bulan April 2018 masih tidak stabil. Berikutan migrasi data daripada sistem eSPHT kepada eHasil terdapat bayaran yang telah dibuat oleh pemilik tidak dikemas kini di dalam sistem eHasil menyebabkan tunggakan tidak ditolak di dalam sistem tersebut. Kedudukan ABT mengikut tempoh tunggakan adalah seperti dalam **Jadual 57**.

JADUAL 57
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA MENGIKUT TEMPOH TUNGGAKAN

| BIL. | KATEGORI/JABATAN | 1 TAHUN 2018 (RM) | 1 – 3 TAHUN 2018 (RM) | 3 – 6 TAHUN 2018 (RM) | > 6 TAHUN 2018 (RM) |
|------------------------|---|-------------------|-----------------------|-----------------------|---------------------|
| TUNGGAKAN HASIL | | | | | |
| 1. | Cukai Tanah | 79,211,005 | 31,119,943 | 40,000,376 | 161,226,509 |
| 2. | Lain-lain Hasil | 503,772 | 1,061,251 | 698,726 | 324,316 |
| 3. | Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer | 26,305 | 8,086 | 38,625 | 675,414 |
| 4. | Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia | 1,392,749 | 0 | 0 | 71,342 |
| 5. | Perbendaharaan Negeri Selangor (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman) | 19,169,543 | 5,283,087 | 7,799,691 | 2,051,188 |

| BIL. | KATEGORI/JABATAN | 1 TAHUN 2018 (RM) | 1 – 3 TAHUN 2018 (RM) | 3 – 6 TAHUN 2018 (RM) | > 6 TAHUN 2018 (RM) |
|---|---|-------------------------|--------------------------------|--------------------------------|---------------------------|
| | JUMLAH | 100,303,374 | 37,472,367 | 48,537,418 | 164,348,769 |
| TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN | | | | | |
| 1. | Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia | 0 | 0 | 0 | 742,743 |
| 2. | Perbendaharaan Negeri Selangor (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman) | 417,513,973 | 23,351,727 | 27,188,757 | 3,552,140 |
| | JUMLAH | 417,513,973 | 23,351,727 | 27,188,757 | 4,294,883 |
| TUNGGAKAN HUTANG LAIN | | | | | |
| 1. | Pejabat Daerah dan Tanah Klang | 0 | 0 | 5,955 | 0 |
| 2. | Jabatan Kerja Raya Daerah Gombak | 7,000 | 0 | 0 | 0 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Langat | 1,925 | 0 | 0 | 0 |
| 4. | Pejabat Tanah dan Galian Selangor | 0 | 0 | 0 | 21,947 |
| 5. | Jabatan Agama Islam | 0 | 0 | 0 | 168,775 |
| 6. | Mahkamah Tinggi Syariah Negeri | 30,500 | 83,550 | 100,100 | 0 |
| 7. | SUK Selangor (Pendahuluan Diri, Hadiah Pengajian IPT, Bayaran Balik Emolumen) | 0 | 52,714 | 3,000 | 0 |
| | JUMLAH | 39,425 | 136,264 | 109,055 | 190,722 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 517,856,773 | 60,960,358 | 75,835,230 | 168,834,374 |

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

11. RUMUSAN AUDIT

11.1. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2018 adalah stabil yang mana:

- a. Baki Kumpulan Wang Disatukan adalah sebanyak RM2.135 bilion, iaitu menurun sejumlah RM703.44 juta (24.8%) berbanding tahun 2017.
- b. Kutipan hasil dan pelaburan masing-masing adalah sebanyak RM1.999 bilion dan RM1.718 bilion, iaitu menurun sejumlah RM811.58 juta (28.9%) dan RM395.88 juta (18.7%) berbanding tahun 2017.
- c. Kerajaan Negeri mencatat defisit di Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM619.27 juta iaitu meningkat sejumlah RM250.71 juta (68%) pada tahun 2018 berbanding defisit berjumlah RM368.56 juta pada tahun 2017.
- d. Baki Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut adalah RM1.295 bilion dan RM505.91 juta masing-masing meningkat sejumlah RM107.33 juta (9%) dan RM428.01 juta (549.4%).

- e. Hutang Awam adalah sebanyak RM1.103 bilion menurun sejumlah RM17.54 juta (1.6%) pada tahun 2018 manakala tiada tunggakan bayaran balik Hutang Awam.
- f. Akaun Belum Terima dan tunggakan cukai tanah adalah RM823.49 juta dan RM311.56 juta masing-masing meningkat sejumlah RM453.38 juta (122.5%) dan RM27.40 juta (9.6%).
- g. Bayaran di bawah AP58(a) sepatutnya boleh dibayar dalam tahun kewangan sekiranya jabatan mengambil langkah proaktif untuk memastikan tuntutan/bil tersebut diterima dan diselesaikan pembayarannya sebelum tarikh penutupan akaun.

11.2. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan RMKe-11 bagi tahun 2018 adalah baik iaitu sejumlah RM1.427 bilion (85.9%) telah dibelanjakan. Prestasi pelaksanaan projek adalah memuaskan memandangkan bagi tempoh tahun kedua RMKe-11 sehingga akhir tahun 2018, 83 projek (26.9%) telah disiapkan, 91 projek (29.5%) sedang dalam pelaksanaan dan 134 projek (43.5%) belum mula/dalam perancangan/batal.

12. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi prestasi kewangan kerajaan negeri adalah disyorkan:

12.1. kerajaan negeri meningkatkan usaha untuk mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil/bayaran balik pinjaman/hutang lain daripada jabatan/agensi kerajaan; dan

12.2. meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.

BAHAGIAN III

**PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI**

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA ANALISIS KEWANGAN AGENSI NEGERI

| | | |
|---|--|------------------------------------|
| PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2018 | Bilangan Agensi Negeri | 26 Akaun Agensi |
| | 13 Badan Berkanun Negeri | 15 Pendapat Tanpa Teguran |
| | 12 Pihak Berkuasa Tempatan | 4 Pendapat Berteguran |
| | 1 Majlis Agama Islam | 7 Belum Disahkan |
| Badan Berkanun Negeri dan MAI | Pihak Berkuasa Tempatan | Cukai Taksiran |
| ↓ RM151.02 juta Lebih Semasa | ↑ RM49.21 juta Lebih Semasa | ↑ RM52.32 juta Semasa |
| ↑ RM107.88 juta Aset Semasa Bersih | ↑ RM195.78 juta Aset Semasa Bersih | ↑ RM26.25 juta Tunggakan |

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 26 penyata kewangan bagi tahun 2018 untuk agensi 13 BBN, 12 PBT dan satu (1) MAI. Daripada jumlah tersebut, 13 merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Enakmen Tubuh Badan Berkanun Negeri, 12 penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu (1) MAI yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

2.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi MAI manakala baki 25 penyata kewangan dilaksanakan oleh firma audit swasta yang dilantik. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 30 September 2019, kesemua 13 BBN dan 12 PBT serta MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit. Daripada 26 agensi terlibat, 21 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2019. Selain itu, lima (5) agensi iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria, Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| BIL. | AGENSI | TARIKH PENYERAHAN |
|------------------------------|---|-------------------|
| BADAN BERKANUN NEGERI | | |
| 1. | Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) | 29.03.2019 |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) | 17.04.2019 |
| 3. | Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee (KWSKGVJSJ) | 23.04.2019 |
| 4. | Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) | 24.04.2019 |
| 5. | Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) | 25.04.2019 |
| 6. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) | 26.04.2019 |
| 7. | Kumpulan Wang Hospital Tai Wa (KWHTW) | 26.04.2019 |
| 8. | Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) | 29.04.2019 |
| 9. | Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) | 30.04.2019 |
| 10. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) | 15.05.2019 |
| 11. | Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria (KWBIIV) | 24.05.2019 |
| 12. | Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney (KWAMSHG) | 24.05.2019 |
| 13. | Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) | 31.05.2019 |
| MAJLIS AGAMA ISLAM | | |
| 1. | Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) | 30.04.2019 |

| BIL. | AGENSI | TARIKH PENYERAHAN |
|--------------------------------|---------------------------------------|-------------------|
| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | | |
| 1. | Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) | 26.04.2019 |
| 2. | Majlis Perbandaran Selayang (MPS) | 29.04.2019 |
| 3. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) | 30.04.2019 |
| 4. | Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) | 30.04.2019 |
| 5. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) | 30.04.2019 |
| 6. | Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) | 30.04.2019 |
| 7. | Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) | 30.04.2019 |
| 8. | Majlis Perbandaran Klang (MPK) | 30.04.2019 |
| 9. | Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) | 30.04.2019 |
| 10. | Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) | 30.04.2019 |
| 11. | Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) | 30.04.2019 |
| 12. | Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) | 29.05.2019 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards* (FRS)/*Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.3. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

| BIL. | PIAWAIAN PERAKAUNAN | BIL. AGENSI |
|---------------|---|-------------|
| 1. | <i>Malaysian Private Entity Reporting Standards</i> (MPERS) | 11 |
| 2. | <i>Financial Reporting Standards</i> (FRS)/ <i>Malaysian Financial Reporting Standards</i> (MFRS) | - |
| 3. | <i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i> (MPSAS) | 15 |
| JUMLAH | | 26 |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua (2) jenis Pendapat Audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan piawaian perakaunan yang berkenaan.

5.2. Pendapat Bolehubah

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila juruaudit ingin menyatakan pendapat bolehubah adalah seperti berikut:

5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Perenggan *Emphasis of Matter*

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

b. Perenggan Perkara lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Laporan Audit.

5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

b. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

c. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan

gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, penafian pendapat turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.2.3. Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 26 penyata kewangan tahun 2017 iaitu 13 penyata kewangan BBN, satu (1) penyata kewangan MAI dan 12 penyata kewangan PBT. Kesemua 26 penyata kewangan BBN, MAI dan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah diaudit dan dikeluarkan Sijil Audit Tanpa Teguran, Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan Pendapat Berteguran. Setakat 30 September 2019, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan 19 daripada 26 penyata kewangan tahun 2018 iaitu 11 penyata kewangan BBN, satu (1) penyata kewangan MAI dan tujuh (7) penyata kewangan PBT serta dikeluarkan Sijil Audit Tanpa Teguran, Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan Pendapat Berteguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun kewangan 2014 sehingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN
BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2014 SEHINGGA
2018

| BIL. | JENIS PENDAPAT AUDIT | TAHUN KEWANGAN | | | | |
|---------------|---|----------------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| | | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018* |
| 1. | Pendapat Tanpa Teguran | 24 | 21 | 21 | 20 | 14 |
| 2. | Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i> | - | 1 | 1 | 2 | 1 |
| 3. | Pendapat Berteguran | 2 | 4 | 4 | 4 | 4 |
| 4. | Pendapat Bertentangan | - | - | - | - | - |
| 5. | Penafian Pendapat | - | - | - | - | - |
| JUMLAH | | 26 | 26 | 26 | 26 | 19 |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014-2018

Nota: (*) Pengesahan sehingga 30 September 2019

5.2.4. Bagi tahun kewangan 2017, sebanyak lapan (8) penyata kewangan BBN, 11 penyata kewangan PBT dan satu (1) penyata kewangan MAI telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak dua (2) penyata kewangan BBN telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan empat (4) penyata kewangan agensi telah diberikan Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN
EMPHASIS OF MATTER DAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT |
|---|--|--|
| PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EMPHASIS OF MATTER | | |
| 1. | Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) | Liabiliti semasa telah melebihi aset semasa sebanyak RM15.44 juta. Kedudukan kewangan ini memberikan keraguan terhadap keupayaan MSNS untuk meneruskan operasi sebagai suatu entiti dengan andaian usaha berterusan (<i>going concern</i>). |
| 2. | Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor | Baki kelengkapan pejabat dan komputer pada kos dalam hartanah, loji dan peralatan di penyata kedudukan kewangan berbeza dengan baki di senarai aset masing-masing sebanyak RM3.99 juta dan RM5.99 juta. Perkara ini memberi keraguan terhadap kesempurnaan rekod kelengkapan pejabat dan komputer di Perbadanan. |
| PENDAPAT BERTEGURAN | | |
| 1. | Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria (KWBIIV) | Pelaburan – RM2,443 Pengesahan baki pelaburan tidak dikemukakan bagi mengesahkan kedudukan sebenar pelaburan KWBIV pada tarikh tersebut yang terdiri daripada saham BHP Billiton Limited dan South32 di pasaran saham Australia. Pihak KWBIV juga tidak mengiktiraf pelaburan saham ini pada nilai pasaran menyebabkan nilai pelaburan sebenar terkurang nyata. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan yang dinyatakan adalah benar dan saksama. |
| 2. | Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney (KWAMSHG) | Pelaburan – RM6,964 Pengesahan baki pelaburan tidak dikemukakan bagi mengesahkan kedudukan sebenar pelaburan KWAMSHG pada tarikh tersebut. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan yang dinyatakan adalah benar dan saksama. |
| 3. | Kumpulan Wang Amanah Hospital Tai Wa | Pelaburan – RM13,376 Pengesahan baki Pelaburan Tersiar Harga bagi British War Stock atas nama Tai Wa Fund tidak dikemukakan. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan yang dinyatakan adalah benar dan saksama. |
| 4. | Majlis Daerah Sabak Bernam | Penghutang dan Pelbagai Penghutang – RM1.23 juta dan RM4.59 juta Pihak Majlis tidak dapat menyediakan keseluruhan laporan bagi baki serta laporan pengumuman bagi Penghutang pada 31 Disember 2017. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun Penghutang dan Pelbagai Penghutang yang dinyatakan adalah benar dan saksama. Pelbagai Pemiutang – RM227,457 Selain itu, pihak Majlis tidak dapat menyediakan senarai terperinci dan laporan pengumuman bagi baki Pelbagai Pemiutang berjumlah RM227,457 pada 31 Disember 2017. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun Pelbagai Pemiutang yang dinyatakan adalah benar dan saksama. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2.5. Bagi tahun kewangan 2018, sebanyak tujuh (7) penyata kewangan BBN, enam (6) penyata kewangan PBT dan satu (1) penyata kewangan MAI telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak satu (1) penyata kewangan BBN telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan empat (4) penyata kewangan agensi telah diberikan Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN
EMPHASIS OF MATTER DAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT |
|---|--|---|
| PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EMPHASIS OF MATTER | | |
| 1. | Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) | MSNS mengalami kerugian bersih sebanyak RM11.05 juta dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan pada tarikh tersebut, liabiliti semasa telah melebihi aset semasa sebanyak RM25.71 juta dan mempunyai defisit dalam dana terkumpul sebanyak RM6.13 juta. Kedudukan kewangan ini memberikan keraguan terhadap keupayaan MSNS untuk meneruskan operasi sebagai suatu entiti dengan andaian usaha berterusan (<i>going concern</i>). |
| PENDAPAT BERTEGURAN | | |
| 1. | Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria (KWBIW) | <p>Bank – RM27,052 Baki akaun bank tidak dapat disahkan kerana surat pengesahan daripada pihak bank tidak dikemukakan. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada baki bank adalah benar dan saksama.</p> <p>Pelaburan – RM2,443 Kedudukan sebenar pelaburan KWBIW yang terdiri daripada saham BHP Billiton Limited dan South32 di pasaran saham Australia tidak dapat disahkan kerana pengesahan baki pelaburan tidak dikemukakan. Pihak KWBIW juga tidak mengiktiraf pelaburan saham ini pada nilai pasaran menyebabkan nilai pelaburan sebenar terkurang nyata. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan adalah benar dan saksama.</p> |
| 2. | Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney | <p>Bank – RM31,454 Baki akaun bank tidak dapat disahkan kerana surat pengesahan daripada pihak bank tidak dikemukakan. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada baki bank adalah benar dan saksama.</p> <p>Pelaburan – RM6,964 Terdapat perbezaan di antara amaun di penyata kewangan dengan amaun di pengesahan bank. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan adalah benar dan saksama.</p> |
| 3. | Kumpulan Wang Amanah Hospital Tai Wa | Pelaburan – RM13,098 Pengesahan baki Pelaburan Tersiar Harga bagi British War Stock atas nama Tai Wa Fund tidak dikemukakan. Oleh itu, pihak audit tidak dapat menentukan kewujudan, pemilikan dan ketepatan amaun pelaburan. |
| 4. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) | Hartanah, Loji dan Peralatan – RM78.52 juta MPAJ tidak mengaunkan hartanah milik MPAJ iaitu 30 unit Apartment Council Home di Desa Lembah Pantai. Oleh itu, nilai sebenar hartanah, loji dan peralatan yang terkurang nyata tidak dapat disahkan. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan tujuh (7) enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Sebanyak 19 penyata kewangan tahun 2017 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor. Pembentangan bagi tujuh (7) penyata kewangan agensi tidak perlu dibuat di Dewan Negeri Selangor iaitu PWS, KWAMSHG, KWSKGVJSJ, MSNS, KWHTW, KWBIW dan MAIS berdasarkan Enakmen/Akta Tubuh BBN dan Enakmen MAIS. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENYATA KEWANGAN
TAHUN 2017 YANG TELAH DIBENTANGKAN
DI DEWAN NEGERI SELANGOR SETAKAT 30 SEPTEMBER 2019

| BIL. | AGENSI | TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN NEGERI SELANGOR |
|------------------------------|--|---|
| PENYATA KEWANGAN 2017 | | |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 23.11.2018 |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 23.11.2018 |
| 3. | Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor | 23.11.2018 |
| 4. | Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor | 23.11.2018 |
| 5. | Lembaga Urus Air Selangor | 23.11.2018 |
| 6. | Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor | 23.11.2018 |
| 7. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | 19.03.2019 |
| 8. | Majlis Bandaraya Shah Alam | 19.03.2019 |
| 9. | Majlis Perbandaran Sepang | 19.03.2019 |
| 10. | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 19.03.2019 |
| 11. | Majlis Perbandaran Klang | 19.03.2019 |
| 12. | Majlis Perbandaran Kajang | 19.03.2019 |
| 13. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | 19.03.2019 |
| 14. | Majlis Perbandaran Selayang | 19.03.2019 |
| 15. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 19.03.2019 |
| 16. | Majlis Daerah Kuala Langat | 19.03.2019 |
| 17. | Majlis Daerah Hulu Selangor | 19.03.2019 |
| 18. | Majlis Daerah Kuala Selangor | 19.03.2019 |
| 19. | Majlis Daerah Sabak Bernam | 19.03.2019 |

Sumber: Dewan Negeri Selangor pada 23 November 2018 dan 19 Mac 2019

Nota: Surat edaran daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri pada 17 April 2019

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti. Analisis hanya melibatkan 22 daripada 26 agensi yang diaudit kerana empat (4) agensi yang tidak terlibat berstatus dorman dan bersaiz kecil. Analisis prestasi kewangan bagi 22 agensi terlibat disediakan berdasarkan kepada

penyata kewangan bagi tahun 2018 beraudit dan belum diaudit serta tahun 2017 beraudit.

Lebih
6 BBN dan
MAIS

7.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam

Defisit
3 BBN

7.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2018 bagi sembilan (9) BBN dan MAIS adalah baik berbanding tahun 2017. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, lebih pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM376.79 juta atau 5.7% dan jumlah aset meningkat sejumlah RM553.05 juta atau 6.1%. Aset semasa bersih meningkat sejumlah RM107.88 juta atau 2.5% berbanding tahun 2017. Manakala, lebih pendapatan semasa menurun sejumlah RM151.02 juta atau 28.8% berbanding tahun 2017. Prestasi kewangan sembilan (9) BBN dan MAIS bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

Lebih
Pendapatan
Terkumpul
RM7.040 bilion

JADUAL 7

PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

| BIL. | PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------|----------------------------|-------------------|-------------------|-----------|-------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Lebih Pendapatan Terkumpul | 7,040.00 | 6,663.21 | 376.79 | 5.7 |
| 2. | Jumlah Aset | 9,604.38 | 9,051.33 | 553.05 | 6.1 |
| 3. | Aset Semasa Bersih | 4,489.44 | 4,381.56 | 107.88 | 2.5 |
| 4. | Lebih Pendapatan Semasa | 372.72 | 523.74 | -151.02 | -28.8 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2018 Beraudit kecuali PPAS dan PKNS serta Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2017 Beraudit

7.1.2. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, enam (6) BBN dan MAIS mencatatkan lebih manakala tiga (3) BBN iaitu PADAT, PPAS dan MSNS mencatatkan defisit bagi tahun semasa. MAIS memperoleh lebih pendapatan tertinggi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang berjumlah RM201.96 juta. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN dan MAIS bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| BIL. | AGENSI NEGERI | PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 | | | PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018 | | |
|---------------|--|---|------------------------|---------------------------|--|----------------------------|------------------------------|
| | | PENDAPATAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta) | ASET SEMASA (RM Juta) | LIABILITI SEMASA (RM Juta) | ASET SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| 1. | Majlis Agama Islam Selangor | 1,073.41 | 871.45 | 201.96 | 706.36 | 85.45 | 620.91 |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 666.96 | 518.65 | 148.31 | 3,980.18 | 426.38 | 3,553.80 |
| 3. | Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor | 29.39 | 3.90 | 25.49 | 230.70 | 0.11 | 230.59 |
| 4. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | 43.53 | 33.29 | 10.24 | 428.95 | 401.90 | 27.05 |
| 5. | Lembaga Urus Air Selangor | 23.99 | 22.14 | 1.85 | 29.14 | 0.63 | 28.51 |
| 6. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 94.02 | 92.73 | 1.29 | 62.15 | 36.16 | 25.99 |
| 7. | Perbadanan Wakaf Selangor | 4.99 | 4.59 | 0.40 | 2.75 | 6.92 | -4.17 |
| 8. | Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor | 15.33 | 18.02 | -2.69 | 21.03 | 2.12 | 18.91 |
| 9. | Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor | 29.21 | 32.82 | -3.61 | 14.58 | 1.55 | 13.03 |
| 10. | Majlis Sukan Negeri Selangor | 21.12 | 31.64 | -10.52 | 5.19 | 30.37 | -25.18 |
| JUMLAH | | 2,001.95 | 1,629.23 | 372.72 | 5,481.03 | 991.59 | 4,489.44 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2018 Beraudit kecuali PPAS dan PKNS

7.1.3. Analisis Aset

- a. Aset BBN dan MAIS merupakan aset semasa dan aset bukan semasa yang terdiri daripada komponen utama seperti hartanah, loji dan peralatan, pelaburan, penghutang dan wang tunai. Pada 31 Disember 2018, jumlah aset yang dimiliki oleh sembilan (9) BBN dan MAIS adalah bernilai RM9.604 bilion berbanding RM9.051 bilion pada 31 Disember 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM553.05 juta atau 6.1%. PKNS mencatatkan jumlah peningkatan nilai aset yang tertinggi pada 31 Disember 2018 berbanding 31 Disember 2017 iaitu sejumlah RM242.16 juta. Kedudukan aset pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

BBN/MAIS
Kedudukan Aset
RM9.604 bilion

Kedudukan Aset
Semasa Bersih
RM4.489 bilion

JADUAL 9
KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN NEGERI DAN
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

| BIL. | AGENSI NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|--|-------------------|-------------------|---------------|------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 6,898.22 | 6,656.06 | 242.16 | 3.6 |
| 2. | Majlis Agama Islam Selangor | 1,144.61 | 960.26 | 184.35 | 19.2 |
| 3. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 568.48 | 553.33 | 15.15 | 2.7 |
| 4. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | 565.30 | 468.88 | 96.42 | 20.6 |
| 5. | Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor | 230.71 | 205.23 | 25.48 | 12.4 |
| 6. | Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor | 99.15 | 102.91 | -3.76 | -3.7 |
| 7. | Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor | 32.92 | 34.52 | -1.60 | -4.6 |
| 8. | Lembaga Urus Air Selangor | 30.12 | 30.93 | -0.81 | -2.6 |
| 9. | Majlis Sukan Negeri Selangor | 25.40 | 30.12 | -4.72 | -15.7 |
| 10. | Perbadanan Wakaf Selangor | 9.47 | 9.09 | 0.38 | 4.2 |
| JUMLAH | | 9,604.38 | 9,051.33 | 553.05 | 6.1 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2018 Beraudit kecuali PPAS dan PKNS serta Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2017 Beraudit

- b. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih meningkat sejumlah RM107.88 juta atau 2.5% iaitu daripada RM4.382 bilion pada 31 Disember 2017 kepada RM4.489 bilion pada 31 Disember 2018. Tujuh (7) BBN dan MAIS mencatatkan aset semasa bersih. Kedudukan aset semasa bersih pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KEDUDUKAN ASET SEMASA BERSIH
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

| BIL. | AGENSI NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|--|-------------------|-------------------|---------------|------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 3,553.80 | 3,375.15 | 178.65 | 5.3 |
| 2. | Majlis Agama Islam Selangor | 620.91 | 692.97 | -72.06 | -10.4 |
| 3. | Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor | 230.59 | 205.09 | 25.50 | 12.4 |
| 4. | Lembaga Urus Air Selangor | 28.51 | 26.47 | 2.04 | 7.7 |
| 5. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | 27.05 | 41.84 | -14.79 | -35.3 |
| 6. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 25.99 | 25.34 | 0.65 | 2.6 |
| 7. | Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor | 18.91 | 20.70 | -1.79 | -8.6 |
| 8. | Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor | 13.03 | 14.92 | -1.89 | -12.7 |
| 9. | Perbadanan Wakaf Selangor | -4.17 | -5.48 | 1.31 | 23.9 |
| 10. | Majlis Sukan Negeri Selangor | -25.18 | -15.44 | -9.74 | 63.1 |
| JUMLAH | | 4,489.44 | 4,381.56 | 107.88 | 2.5 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2018 Beraudit kecuali PPAS dan PKNS serta Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2017 Beraudit

7.1.4. Analisis Pelaburan

Pada 31 Disember 2018, jumlah pelaburan bagi empat (4) BBN dan MAIS adalah sejumlah RM2.195 bilion. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat

subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan lain-lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan pada 31 Disember 2018 mencatatkan peningkatan berbanding pada 31 Disember 2017 iaitu sejumlah RM4.62 juta atau 0.21%. Kedudukan pelaburan adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

| BIL. | AGENSI NEGERI | SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta) | | SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta) | | LAIN-LAIN (RM Juta) | | JUMLAH (RM Juta) | |
|---------------|---|-------------------------------|-----------------|------------------------------|---------------|---------------------|---------------|------------------|-----------------|
| | | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 1,713.28 | 1,573.36 | 168.37 | 158.19 | 115.89 | 251.43 | 1,997.54 | 1,982.98 |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 22.70 | 37.71 | - | - | 147.86 | 134.99 | 170.56 | 172.70 |
| 3. | Majlis Agama Islam Selangor | 8.16 | 8.16 | - | - | 15.72 | 22.73 | 23.88 | 30.89 |
| 4. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | 2.99 | 2.78 | - | - | - | - | 2.99 | 2.78 |
| 5. | Perbadanan Wakaf Selangor | 0.00* | 1.0 | - | - | - | - | 0.00* | 1.00 |
| JUMLAH | | 1,747.13 | 1,623.01 | 168.37 | 158.19 | 279.47 | 409.15 | 2,194.97 | 2,190.35 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2018 Beraudit kecuali PPAS dan PKNS serta Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2017 Beraudit

Nota: (*) - RM2

7.1.5. Analisis Liabiliti

Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan jangka panjang dengan komponen utama seperti pinjaman, pemiutang, deposit dan pendahuluan. Jumlah liabiliti bagi sembilan (9) BBN dan MAIS meningkat sejumlah RM178.44 juta atau 7.6% iaitu daripada RM2.360 bilion pada 31 Disember 2017 kepada RM2.539 bilion pada 31 Disember 2018. Lima (5) BBN mencatatkan peningkatan liabiliti iaitu PKNS, LPHS, PKPS, MSNS dan PADAT. Analisis Audit mendapati PKNS mencatatkan pertambahan jumlah liabiliti tertinggi iaitu RM91.97 juta atau 5.3% disebabkan peningkatan pinjaman jangka panjang dan pemiutang perdagangan. Manakala PADAT mencatatkan pertambahan liabiliti tertinggi dari segi peratusan iaitu RM1.08 juta atau 103.8% akibat peningkatan pelbagai pemiutang untuk pembangunan Sistem Koleksi Muzium Bersepadu serta penyelidikan dan dokumentasi. Kedudukan liabiliti BBN dan MAIS adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
KEDUDUKAN LIABILITI BADAN BERKANUN NEGERI DAN
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

| BIL. | AGENSI NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|--|-------------------|-------------------|---------------|------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 1,831.95 | 1,739.98 | 91.97 | 5.3 |
| 2. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | 448.51 | 362.34 | 86.17 | 23.8 |
| 3. | Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor | 94.74 | 94.90 | -0.16 | -0.2 |
| 4. | Majlis Agama Islam Selangor | 85.45 | 103.06 | -17.61 | -17.1 |
| 5. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 38.07 | 24.22 | 13.85 | 57.2 |
| 6. | Majlis Sukan Negeri Selangor | 30.37 | 24.56 | 5.81 | 23.7 |
| 7. | Perbadanan Wakaf Selangor | 6.92 | 6.94 | -0.02 | -0.3 |
| 8. | Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor | 2.12 | 1.04 | 1.08 | 103.8 |
| 9. | Lembaga Urus Air Selangor | 0.63 | 3.28 | -2.65 | -80.8 |
| 10. | Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor | 0.11 | 0.11 | 0.00 | 0.0 |
| JUMLAH | | 2,538.87 | 2,360.43 | 178.44 | 7.6 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2018 Beraudit kecuali PPAS dan PKNS serta Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2017 Beraudit

7.1.6. Analisis Nisbah

- a. Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah agensi. Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi 10 agensi adalah baik.
- b. Nisbah hutang mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Selain itu, ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan agensi memenuhi obligasi kepada pemiutang. Analisis Audit mendapati nisbah hutang bagi BBN dan MAIS adalah memuaskan kerana nisbah berkenaan kurang daripada 100% bagi kesemua agensi kecuali MSNS. Hal ini disebabkan MSNS mempunyai tunggakan hutang dengan TTDI Land Sdn. Bhd. sejumlah RM25.77 juta untuk pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam. Analisis kecairan dan kestabilan sembilan (9) BBN dan MAIS bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN
BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN 2018

| BIL. | AGENSI NEGERI | NISBAH SEMASA | NISBAH CEPAT | MODAL KERJA (RM Juta) | ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta) | NISBAH HUTANG (%) |
|------|--|---------------|--------------|-----------------------|-------------------------------|-------------------|
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 9.33 | 0.79 | 3,553.80 | -12.60 | 26.6 |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 1.72 | 1.62 | 25.99 | 0.78 | 6.7 |
| 3. | Majlis Agama Islam Selangor | 8.27 | 7.90 | 620.91 | -129.66 | 7.5 |
| 4. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | 1.07 | 1.02 | 27.05 | 70.14 | 79.3 |
| 5. | Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor | 9.38 | 9.32 | 13.03 | -1.77 | 95.6 |
| 6. | Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor | 2,049.88 | 2,049.88 | 230.59 | 2.52 | 0.05 |
| 7. | Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor | 9.91 | 9.91 | 18.91 | -0.84 | 6.4 |
| 8. | Lembaga Urus Air Selangor | 46.60 | 46.45 | 28.51 | -0.21 | 2.1 |
| 9. | Perbadanan Wakaf Selangor | 0.40 | 0.11 | -4.17 | -0.72 | 73.1 |
| 10. | Majlis Sukan Negeri Selangor | 0.17 | 0.15 | -25.18 | -3.49 | 119.5 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2018 Beraudit kecuali PPAS dan PKNS

7.2. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Selangor

7.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2018, PKNS melabur sejumlah RM1.888 bilion dalam 32 syarikat, PKPS melabur sejumlah RM81.39 juta dalam empat (4) syarikat, LPHS melabur sejumlah RM3 juta dalam satu (1) syarikat dan PWS melabur RM1 juta dalam tiga (3) syarikat. Selain itu, jumlah pelaburan MAIS dalam tiga (3) syarikat berjumlah RM8.16 juta. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh BBN dan MAIS adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
ANALISIS PELABURAN PADA KOS DALAM
ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU PADA 31 DISEMBER 2018

| PERKARA | BADAN BERKANUN | | | | MAI | JUMLAH |
|----------------------------|-----------------|--------------|-------------|-------------|-------------|-----------------|
| | PKNS | PKPS | LPHS | PWS | | |
| Anak Syarikat (100%) | 9 | 4 | 1 | 3 | 3 | 20 |
| Anak Syarikat (>50%) | 3 | - | - | - | - | 3 |
| Syarikat Bersekutu (<50%) | 20 | - | - | - | - | 20 |
| JUMLAH SYARIKAT | 32 | 4 | 1 | 3 | 3 | 43 |
| PELABURAN (RM Juta) | 1,887.65 | 81.39 | 3.00 | 1.00 | 8.16 | 1,981.20 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2018 Beraudit kecuali PKNS

7.2.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati empat (4) BBN dan MAIS memiliki ekuiti melebihi 50% dalam 19 dan empat (4) anak syarikat yang masing-masing berstatus aktif dan dorman. PKNS mempunyai bilangan anak syarikat terbanyak iaitu 12 anak syarikat. Bilangan anak syarikat adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
BILANGAN ANAK SYARIKAT YANG AKTIF DAN DORMAN BAGI TAHUN 2018

| BIL. | AGENSI NEGERI | BILANGAN ANAK SYARIKAT (Ekuiti Lebih Daripada 50%) | | |
|---------------|---|---|---------------|-----------------|
| | | STATUS AKTIF | STATUS DORMAN | JUMLAH SYARIKAT |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 12 | - | 12 |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 2 | 2 | 4 |
| 3. | Majlis Agama Islam Selangor | 3 | - | 3 |
| 4. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | 1 | - | 1 |
| 5. | Perbadanan Wakaf Selangor | 1 | 2 | 3 |
| JUMLAH | | 19 | 4 | 23 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAIS Tahun 2018 Beraudit kecuali PKNS

7.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2018, sebanyak 11 anak syarikat yang aktif di bawah dua (2) BBN dan MAIS mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM941.08 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati 12 anak syarikat BBN mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM143.07 juta. Antara anak syarikat yang mencatatkan keuntungan terkumpul tertinggi ialah anak syarikat kepada PKNS iaitu Worldwide Holdings Berhad dan PKNS Real Estate Sdn. Bhd. masing-masing berjumlah RM744.44 juta dan RM69.58 juta. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN dan MAIS bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL ANAK SYARIKAT BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN KEWANGAN 2018


| BIL. | AGENSI NEGERI | KEUNTUNGAN TERKUMPUL | | KERUGIAN TERKUMPUL | | JUMLAH KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) TERKUMPUL BERSIH (RM Juta) |
|---------------|---|----------------------|------------------|--------------------|------------------|--|
| | | BIL. ANAK SYARIKAT | JUMLAH (RM Juta) | BIL. ANAK SYARIKAT | JUMLAH (RM Juta) | |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 7 | 932.27 | 5 | 50.34 | 881.93 |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 1 | 0.04 | 3 | 91.13 | -91.09 |
| 3. | Majlis Agama Islam Selangor | 3 | 8.77 | - | - | 8.77 |
| 4. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | - | - | 1 | 0.01 | -0.01 |
| 5. | Perbadanan Wakaf Selangor | - | - | 3 | 1.59 | -1.59 |
| JUMLAH | | 11 | 941.08 | 12 | 143.07 | 798.01 |

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat Tahun 2018

7.3. Analisis Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

7.3.1. Prestasi Kewangan PBT Secara Keseluruhan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, secara keseluruhannya prestasi kewangan PBT telah mencatatkan peningkatan lebihan sejumlah RM49.21 juta atau 67.7% berbanding tahun sebelumnya di mana lebihan keseluruhan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 sejumlah RM121.95 juta. Sembilan (9) PBT mencatatkan lebihan manakala tiga (3) PBT mencatatkan defisit bagi tahun 2018. Peningkatan peratusan lebihan tertinggi dicatat oleh MDKS dengan peningkatan sejumlah RM18.70 juta atau 1,438.5%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penurunan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM8.77 juta, penurunan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM5.03 juta dan penurunan emolumen sebanyak RM3.27 juta. Selain itu, peningkatan lebihan ini juga disebabkan oleh peningkatan dalam urus niaga bukan pertukaran iaitu hasil daripada lain-lain geran dan cukai taksiran sebanyak RM2.44 juta dan RM1.69 juta. Kedudukan prestasi kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 17** dan kedudukan perubahan lebihan/defisit PBT bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

 **Lebihan PBT
RM49.21 juta**

**Lebihan
9 PBT**

**Defisit
3 PBT**

**JADUAL 17
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN PBT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.2018 | | | PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31.12.2018 | | |
|---------------|--------------------------------|--|------------------------|---------------------------|--|----------------------------|------------------------------|
| | | PENDAPATAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta) | ASET SEMASA (RM Juta) | LIABILITI SEMASA (RM Juta) | ASET SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| 1. | Majlis Perbandaran Sepang | 185.15 | 125.11 | 60.04 | 562.72 | 154.25 | 408.47 |
| 2. | Majlis Bandaraya Shah Alam | 434.61 | 397.19 | 37.42 | 949.80 | 524.41 | 425.39 |
| 3. | Majlis Perbandaran Kajang | 203.57 | 180.07 | 23.50 | 672.49 | 536.76 | 135.73 |
| 4. | Majlis Daerah Kuala Selangor | 64.06 | 44.06 | 20.00 | 99.44 | 67.50 | 31.94 |
| 5. | Majlis Perbandaran Klang | 255.79 | 237.40 | 18.39 | 406.81 | 233.92 | 172.89 |
| 6. | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 291.59 | 276.64 | 14.95 | 403.62 | 56.20 | 347.42 |
| 7. | Majlis Daerah Kuala Langat | 80.75 | 67.17 | 13.58 | 157.37 | 78.29 | 79.08 |
| 8. | Majlis Perbandaran Selayang | 224.19 | 220.08 | 4.11 | 415.03 | 315.66 | 99.37 |
| 9. | Majlis Daerah Sabak Bernam | 27.87 | 25.75 | 2.12 | 24.55 | 6.94 | 17.61 |
| 10. | Majlis Daerah Hulu Selangor | 108.34 | 108.48 | -0.14 | 136.35 | 49.90 | 86.45 |
| 11. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 144.23 | 151.05 | -6.82 | 208.01 | 121.77 | 86.24 |
| 12. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | 365.89 | 431.09 | -65.20 | 561.87 | 443.38 | 118.49 |
| JUMLAH | | 2,386.04 | 2,264.09 | 121.95 | 4,598.06 | 2,588.98 | 2,009.08 |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 Beraudit kecuali MBSA, MDHS, MDSB, MBPJ dan MDKL

JADUAL 18
KEDUDUKAN PERUBAHAN LEBIHAN/DEFISIT PBT BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | 2018 | 2017 | PERUBAHAN | |
|---------------|--------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|--------------|-------------|
| | | LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Majlis Daerah Kuala Selangor | 20.00 | 1.30 | 18.70 | 1,438.5 |
| 2. | Majlis Perbandaran Kajang | 23.50 | -6.36 | 29.86 | 469.5 |
| 3. | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 14.95 | -9.84 | 24.79 | 251.9 |
| 4. | Majlis Daerah Sabak Bernam | 2.12 | -7.98 | 10.1 | 126.6 |
| 5. | Majlis Perbandaran Sepang | 60.04 | 32.72 | 27.32 | 83.5 |
| 6. | Majlis Bandaraya Shah Alam | 37.42 | 24.16 | 13.26 | 54.9 |
| 7. | Majlis Perbandaran Klang | 18.39 | 22.30 | -3.91 | -17.5 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Langat | 13.58 | 17.30 | -3.72 | -21.5 |
| 9. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | -65.20 | -40.31 | -24.89 | -61.7 |
| 10. | Majlis Perbandaran Selayang | 4.11 | 20.67 | -16.56 | -80.1 |
| 11. | Majlis Daerah Hulu Selangor | -0.14 | 14.92 | -15.06 | -100.9 |
| 12. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | -6.82 | 3.86 | -10.68 | -276.7 |
| JUMLAH | | 121.95 | 72.74 | 49.21 | 67.7 |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 Beraudit kecuali MBSA, MDHS, MDSB, MBPJ dan MDKL serta Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 Beraudit

7.3.2. Aset/Liabiliti Semasa Bersih

 **Aset Semasa Bersih PBT RM195.78 juta**

 **Aset Semasa Bersih 9 PBT**

Pada 31 Disember 2018, aset semasa bersih bagi kesemua PBT adalah berjumlah RM2.009 bilion iaitu meningkat sejumlah RM195.78 juta atau 10.8% berbanding pada 31 Disember 2017. Sembilan (9) PBT mencatatkan peningkatan dalam aset semasa bersih manakala tiga (3) lagi mencatat pengurangan dalam aset semasa bersih pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. PBT yang mencatat peratus peningkatan aset bersih tertinggi ialah MDKS dengan jumlah RM64.80 juta atau 197.2% disebabkan oleh peningkatan dalam simpanan tetap sebanyak RM4.42 juta, penurunan bantuan khas kerajaan sebanyak RM33.95 juta, penurunan dalam pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru sebanyak RM19.36 juta serta penurunan dalam Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM7.92 juta. Kedudukan aset/(liabiliti) semasa bersih PBT pada tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 19**.


JADUAL 19
ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH PBT
DI NEGERI SELANGOR PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 2017

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | TAHUN 2018 | | | TAHUN 2017 | | | PERUBAHAN | |
|---------------|--------------------------------|-----------------------|----------------------------|------------------------------|-----------------------|----------------------------|------------------------------|---------------|-------------|
| | | ASET SEMASA (RM Juta) | LIABILITI SEMASA (RM Juta) | ASET SEMASA BERSIH (RM Juta) | ASET SEMASA (RM Juta) | LIABILITI SEMASA (RM Juta) | ASET SEMASA BERSIH (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| | | | | | | | | | |
| 1. | Majlis Bandaraya Shah Alam | 949.80 | 524.41 | 425.39 | 899.75 | 535.95 | 363.80 | 61.59 | 16.9 |
| 2. | Majlis Perbandaran Sepang | 562.72 | 154.25 | 408.47 | 473.20 | 141.36 | 331.84 | 76.63 | 23.1 |
| 3. | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 403.62 | 56.20 | 347.42 | 391.30 | 51.10 | 340.20 | 7.22 | 2.1 |
| 4. | Majlis Perbandaran Klang | 406.81 | 233.92 | 172.89 | 341.43 | 193.10 | 148.33 | 24.56 | 16.6 |
| 5. | Majlis Perbandaran Kajang | 672.49 | 536.76 | 135.73 | 642.13 | 528.20 | 113.93 | 21.80 | 19.1 |
| 6. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | 561.87 | 443.38 | 118.49 | 613.51 | 424.34 | 189.17 | -70.68 | -37.4 |
| 7. | Majlis Perbandaran Selayang | 415.03 | 315.66 | 99.37 | 411.55 | 321.69 | 89.86 | 9.51 | 10.6 |
| 8. | Majlis Daerah Hulu Selangor | 136.35 | 49.90 | 86.45 | 130.30 | 39.47 | 90.83 | -4.38 | -4.8 |
| 9. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 208.01 | 121.77 | 86.24 | 218.50 | 115.52 | 102.98 | -16.74 | -16.3 |
| 10. | Majlis Daerah Kuala Langat | 157.37 | 78.29 | 79.08 | 110.48 | 45.52 | 64.96 | 14.12 | 21.7 |
| 11. | Majlis Daerah Kuala Selangor | 99.44 | 67.50 | 31.94 | 95.77 | 128.63 | -32.86 | 64.80 | 197.2 |
| 12. | Majlis Daerah Sabak Bernam | 24.55 | 6.94 | 17.61 | 16.62 | 6.36 | 10.26 | 7.35 | 71.6 |
| JUMLAH | | 4,598.06 | 2,588.98 | 2,009.08 | 4,344.54 | 2,531.24 | 1,813.30 | 195.78 | 10.8 |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 Beraudit kecuali MBSA, MDHS, MDSB, MBPJ dan MDKL serta Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 Beraudit

7.3.3. Hasil Cukai Taksiran dan Tunggakan Hasil Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah



RM1.443 bilion cukai taksiran telah diiktiraf oleh 12 PBT Negeri Selangor. Hasil cukai taksiran tahun 2018 meningkat sejumlah RM52.32 juta atau 3.8% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2017. Hasil cukai taksiran PBT bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|--------------------------------|-------------------|-------------------|--------------|------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Majlis Bandaraya Shah Alam | 284.93 | 279.29 | 5.64 | 2.0 |
| 2. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | 237.92 | 243.85 | -5.93 | -2.4 |
| 3. | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 200.52 | 193.58 | 6.94 | 3.6 |
| 4. | Majlis Perbandaran Klang | 165.75 | 159.05 | 6.70 | 4.2 |
| 5. | Majlis Perbandaran Sepang | 129.57 | 104.03 | 25.54 | 24.6 |
| 6. | Majlis Perbandaran Selayang | 103.74 | 100.25 | 3.49 | 3.5 |
| 7. | Majlis Perbandaran Kajang | 100.58 | 94.06 | 6.52 | 6.9 |
| 8. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 92.94 | 92.96 | -0.02 | 0.0 |
| 9. | Majlis Daerah Hulu Selangor | 57.11 | 57.47 | -0.36 | -0.6 |
| 10. | Majlis Daerah Kuala Langat | 33.64 | 31.78 | 1.86 | 5.9 |
| 11. | Majlis Daerah Kuala Selangor | 30.62 | 28.93 | 1.69 | 5.8 |
| 12. | Majlis Daerah Sabak Bernam | 6.17 | 5.92 | 0.25 | 4.2 |
| JUMLAH | | 1,443.49 | 1,391.17 | 52.32 | 3.8 |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 Beraudit kecuali MBSA, MDHS, MDSB, MBPJ dan MDKL serta Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 Beraudit

- b. Penyata Kewangan bagi 12 PBT menunjukkan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berjumlah RM602.67 juta iaitu peningkatan sejumlah RM26.25 juta berbanding tahun sebelumnya. Analisis terhadap tunggakan hasil cukai taksiran mendapati dua (2) PBT iaitu MBPJ dan MPK telah mencatatkan penurunan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Antara sebab penurunan tunggakan hasil cukai taksiran ialah kerana MBPJ telah membuat pelarasan ke atas cukai taksiran yang terlebih diiktiraf bagi Kwasa Land Sdn. Bhd. sejak tahun 2015 serta kejayaan MPK dalam usaha mengutip tunggakan daripada penghutang. Kedudukan terperinci tunggakan hasil cukai taksiran bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------|--------------------------------|-------------------|-------------------|-----------|------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Majlis Daerah Hulu Selangor | 85.03 | 80.92 | 4.11 | 5.1 |
| 2. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | 74.75 | 79.06 | -4.31 | -5.5 |
| 3. | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 65.31 | 62.50 | 2.81 | 4.5 |
| 4. | Majlis Bandaraya Shah Alam | 61.64 | 57.89 | 3.75 | 6.5 |
| 5. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 59.82 | 55.95 | 3.87 | 6.9 |
| 6. | Majlis Perbandaran Selayang | 57.03 | 55.20 | 1.83 | 3.3 |
| 7. | Majlis Perbandaran Klang | 55.23 | 57.86 | -2.63 | -4.5 |
| 8. | Majlis Perbandaran Kajang | 49.40 | 45.30 | 4.10 | 9.1 |
| 9. | Majlis Perbandaran Sepang | 48.71 | 39.77 | 8.94 | 22.5 |

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|------------------------------|-------------------|-------------------|--------------|------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 10. | Majlis Daerah Kuala Selangor | 30.40 | 27.89 | 2.51 | 9.0 |
| 11. | Majlis Daerah Kuala Langat | 11.45 | 10.95 | 0.50 | 4.6 |
| 12. | Majlis Daerah Sabak Bernam | 3.90 | 3.13 | 0.77 | 24.6 |
| JUMLAH | | 602.67 | 576.42 | 26.25 | 4.6 |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 Beraudit kecuali MBSA, MDHS, MDSB, MBPJ dan MDKL serta Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 Beraudit

7.3.4 Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2018, jumlah pendapatan bagi 12 PBT adalah RM2.386 bilion. Manakala, tunggakan cukai taksiran adalah berjumlah RM602.67 juta. Terdapat lima (5) PBT yang mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi 25% daripada pendapatan tahunan iaitu MDHS, MDKS, MPAJ, MPSp dan MPS. Peningkatan tunggakan cukai taksiran perlu diambil tindakan serius untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan semasa Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Analisis tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

PBT
Jumlah Pendapatan
RM2.386 bilion

Jumlah Tunggakan
Cukai Taksiran
RM602.67 juta

JADUAL 22
PERATUS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
BERBANDING PENDAPATAN BAGI TAHUN 2018

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | TUNGGAKAN (RM Juta) | PENDAPATAN (RM Juta) | TUNGGAKAN BERBANDING PENDAPATAN (%) |
|---------------|--------------------------------|------------------------|-------------------------|--|
| 1. | Majlis Daerah Hulu Selangor | 85.03 | 108.34 | 78.5 |
| 2. | Majlis Daerah Kuala Selangor | 30.40 | 64.06 | 47.5 |
| 3. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 59.82 | 144.23 | 41.5 |
| 4. | Majlis Perbandaran Sepang | 48.71 | 185.15 | 26.3 |
| 5. | Majlis Perbandaran Selayang | 57.03 | 224.19 | 25.4 |
| 6. | Majlis Perbandaran Kajang | 49.40 | 203.57 | 24.3 |
| 7. | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 65.31 | 291.59 | 22.4 |
| 8. | Majlis Perbandaran Klang | 55.23 | 255.79 | 21.6 |
| 9. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | 74.75 | 365.89 | 20.4 |
| 10. | Majlis Bandaraya Shah Alam | 61.64 | 434.61 | 14.2 |
| 11. | Majlis Daerah Kuala Langat | 11.45 | 80.75 | 14.2 |
| 12. | Majlis Daerah Sabak Bernam | 3.90 | 27.87 | 14.0 |
| JUMLAH | | 602.67 | 2,386.04 | 25.3 |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 Beraudit kecuali MBSA, MDHS, MDSB, MBPJ dan MDKL

8. BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREAS*)

Bermula tahun 2019, Jabatan Audit Negara melaporkan aktiviti yang signifikan dan mempunyai impak hasil daripada pengauditan *key audit area* yang melibatkan enam (6)

kriteria iaitu penyaluran dan penggunaan geran pembangunan, pengurusan pinjaman, pengurusan cukai taksiran, pengurusan agihan zakat, perolehan artifak dan pengurusan pelaburan.

8.1. Geran Pembangunan

8.1.1. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

- a. Geran Pembangunan kepada PBT adalah sumber daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri termasuk Geran Penyenggaraan Jalan Negeri. Geran Penyenggaraan Jalan Negeri disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan. Geran tersebut hendaklah diambil kira sebagai liabiliti dan pelunasan terhadap geran tersebut perlu dibuat apabila *performance obligation* telah tercapai serta perlu diakaunkan dengan tepat dan betul dalam penyata kewangan agensi. Pada tahun 2018, sejumlah RM8.97 juta Geran Penyenggaraan Jalan Negeri yang diterima oleh MBPJ hanya diiktiraf dalam Penyata Kewangan MBPJ pada tahun kewangan 2019. Perkara ini menyebabkan penerimaan geran telah berkurang nyata pada tahun 2018.
- b. Geran Pembangunan yang disalurkan perlu dibelanjakan mengikut tujuan, syarat dan sekatan yang telah ditetapkan oleh pemberi geran. Pada tahun 2018, MBPJ telah mengiktiraf lebih Geran Pembangunan MBPJ sejumlah RM63,696 yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor sebagai pendapatan. Geran tersebut adalah bertujuan bagi pelaksanaan Program Membina Pintu Gerbang, Program Tanam Pokok, Program Sijil Niaga Hijau dan Program Pengguna Beg Plastik yang telah selesai dilaksanakan. Pada pandangan Audit tujuan pemberian geran tersebut telah ditetapkan dan sekiranya terdapat lebih, kebenaran daripada pemberi geran perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum diiktiraf sebagai pendapatan.

8.2. Pinjaman Diberi

8.2.1. Tabung Kumpulan Wang Basiswa Negeri Selangor (TKWBNS)

- a. TKWBNS diwujudkan untuk memberi bantuan kewangan berdasarkan kepada *Selangor State Scholarship Fund Enactment*, 1949 dan Enakmen Tabung Kumpulan Wang Basiswa Selangor (Pindaan 2001). Peranan TKWBNS meliputi

pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran boleh ubah melalui program seperti Program Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, Program Peduli Siswa dan Biasiswa Selangorku. Pada 31 Disember 2018, baki Penghutang yang dicatatkan adalah berjumlah RM195.52 juta iaitu peningkatan sejumlah RM22.88 juta atau 13.3% berbanding tahun 2017 berjumlah RM172.64 juta.

b. Semakan Audit selanjutnya terhadap akaun penghutang mendapati perkara berikut:

- i. Sehingga tahun 2018, terdapat penghutang berbaki kredit sejumlah RM109,041. Antara punca yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah kerana terdapat lebih bayaran balik pinjaman yang dibuat melalui potongan gaji dan TKWBNS masih belum mempunyai sistem untuk membolehkan peminjam menyemak baki pinjaman secara atas talian. Pihak Audit berpandangan pengurusan TKWBNS perlu meningkatkan usaha untuk memulangkan semula baki tersebut dan sekiranya peminjam tidak dapat dikesan, pengurusan TKWBNS disarankan untuk menyerahkan baki tersebut ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia sebagai Wang Tak Dituntut.
- ii. Terdapat sejumlah RM153,758 baki akaun terimaan tidak dikenal pasti pada tahun 2018. Jumlah ini meningkat sebanyak RM3,211 atau 2.1% berbanding RM150,547 pada tahun 2017. Perkara ini berlaku kerana TKWBNS masih belum dapat mengenal pasti peminjam yang terlibat terutamanya peminjam yang membuat bayaran melalui *Cash Deposit Machine*. Pihak Audit berpandangan pengurusan TKWBNS hendaklah mempertingkatkan usaha untuk mengenal pasti akaun peminjam agar jumlah ini dapat dikurangkan.
- iii. MPERS Seksyen 11 menyatakan entiti hendaklah membuat peruntukan kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan yang dijangka tidak dapat dipulihkan atau dikutip. Sejumlah RM262,879 peruntukan rosot nilai telah dikenal pasti perlu dibuat pada tahun semasa. Bagaimanapun peruntukan tersebut hanya akan dibuat pada tahun kewangan 2019 selepas memperoleh kelulusan daripada Bendahari TKWBNS.

9. RUMUSAN AUDIT

9.1. Secara keseluruhannya, setakat 30 September 2019, sebanyak 14 penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, satu (1) diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan empat (4) Pendapat Berteguran. Empat (4)

agensi yang diberi Pendapat Berteguran ialah Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria, Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney, Kumpulan Wang Hospital Tai Wa dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Manakala bagi tujuh (7) penyata kewangan agensi masih belum disahkan iaitu dua (2) penyata kewangan BBN dan lima (5) penyata kewangan PBT.

9.2. Prestasi Kewangan Agensi

9.2.1. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan sembilan (9) Badan Berkanun Negeri dan MAIS adalah baik memandangkan lebih pendapatan terkumpul dan aset semasa bersih masing-masing meningkat sebanyak 5.7% dan 2.5% berbanding tahun 2017 walaupun lebih pendapatan semasa berkurang sejumlah RM151.02 juta.

9.2.2. Prestasi kewangan secara keseluruhan 12 Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2018 adalah baik memandangkan terdapat peningkatan lebih sebanyak 67.7% serta aset semasa bersih dan hasil cukai taksiran masing-masing meningkat sebanyak 10.8% dan 3.8%.

9.3. Secara keseluruhannya, pematuhan agensi terhadap bidang utama audit (*key audit areas*) yang telah ditetapkan adalah memuaskan. Terdapat isu ketara berkenaan pengiktirafan geran dari segi pematuhan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa serta merekodkan transaksi dalam tempoh perakaunan yang betul.

10. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

10.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan;

10.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa;

10.3. agensi yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam meningkatkan pendapatan melalui janaan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan; dan

10.4. agensi hendaklah memantau pengurusan dan prestasi penggunaan geran pembangunan/khas bagi tujuan yang ditetapkan.

BAHAGIAN IV

**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI SERTA AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Negeri Selangor. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2017 serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2017 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 29 Julai 2019.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Sepanjang tahun 2018 hingga 30 September 2019, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali untuk membuat pemeriksaan dan membincang isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 serta 2017 seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

| BIL. MESYUARAT | TARIKH MESYUARAT | JABATAN/AGENSI | PERKARA DIBINCANGKAN |
|--|-------------------|--|---|
| Tahun 2018 | | | |
| Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1 | | | |
| 1 | 11 Januari 2018 | Jabatan Perhutanan Negeri Selangor | Pengurusan Hutan Lipur |
| 2 | 8 Februari 2018 | Majlis Perbandaran Subang Jaya | Pengurusan Perolehan |
| Tahun 2019 | | | |
| Laporan Ketua Audit Negara 2017 Siri 1 | | | |
| 3 | 12 April 2019 | Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)[MBI] | Communication Corporation Sdn. Bhd. |
| 4 | 19 April 2019 | Majlis Agama Islam Selangor | Pengurusan Hartanah |
| 7 | 16 Mei 2019 | Jabatan Pertanian Negeri Selangor | Pengurusan Taman Kekal Pengeluaran Makanan |
| Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2 dan Laporan Ketua Audit Negara 2017 Siri 2 | | | |
| 12 | 18 September 2019 | Perbendaharaan Negeri Selangor | Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2016 dan 2017 |

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan penyata kewangan kerajaan negeri dan agensi negeri bagi tahun 2018 adalah baik. Kedudukan kewangan kerajaan negeri pada 31 Disember 2018 adalah stabil. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah baik. Prestasi pelaksanaan projek RMKe-11 (2016 hingga 2020) pada akhir tahun 2018 adalah memuaskan. Secara keseluruhannya, prestasi masih boleh dimantapkan lagi dan adalah disyorkan langkah penambahbaikan diambil seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri disarankan meneruskan usaha mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil/bayaran balik pinjaman/hutang lain dari jabatan/agensi kerajaan serta mengutip tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih stabil. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat;
- b. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan;
- c. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mewujudkan sistem semak dan imbang, mengadakan pemantauan berterusan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai termasuk memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pegawai; dan
- d. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
21 Oktober 2019**

LAMPIRAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Selangor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Selangor telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

- a. Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan kesilapan dalam Nota kepada Penyata Kewangan yang tidak menjejaskan angka kepada Penyata Kewangan. Kesilapan material melibatkan perbezaan bagi Kurangan dalam Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM18,449,690.98 di Nota 5 dan perbezaan bagi Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM4,186,359.94 di Nota 7a(iii) telah dipinda sewajarnya. Kerajaan Negeri disaran untuk mempertingkatkan kawalan kualiti dan membuat semakan dengan lebih teliti terhadap penyata kewangan yang akan dikemukakan untuk diaudit.
- b. Laporan ini disediakan selaras dengan keperluan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
21 OGOS 2019



PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2018 dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:


- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2018.



DATO' NOR AZMIE DIRON
Pegawai Kewangan Negeri
31 Januari 2019



DR. SHAHRIL BIN BAHARIM CA(M), FGMA, CIMA
Bendahari Negeri
31 Januari 2019

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2018

| | Nota | 2018 RM | 2017 RM |
|--------------------------------|------|-------------------------|-------------------------|
| WANG AWAM | | | |
| WANG TUNAI | 3 | 417,541,187.89 | 725,101,697.53 |
| PELABURAN | 4 | 1,717,834,293.51 | 2,113,717,501.39 |
| | | 2,135,375,481.40 | 2,838,819,198.92 |
| DIPEGANG BAGI: | | | |
| KUMPULAN WANG DISATUKAN | | | |
| AKAUN HASIL DISATUKAN | 5 | 463,091,456.50 | 1,082,363,210.15 |
| AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | 6 | 0.00 | 0.00 |
| AKAUN AMANAH DISATUKAN | 7 | 1,672,284,024.90 | 1,756,455,988.77 |
| | | 2,135,375,481.40 | 2,838,819,198.92 |

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

| | Nota | 2018 | | 2017 | |
|---|------|-----------------------|-------------------------|-----------------------|-------------------------|
| | | RM | RM | RM | RM |
| TERIMAAN | | | | | |
| Hasil | 5 | | | | |
| Hasil Cukai | | 654,540,858.44 | | 666,380,215.94 | |
| Hasil Bukan Cukai | | 1,061,514,501.70 | | 1,929,108,096.51 | |
| Terimaan Bukan Hasil | | <u>282,461,676.09</u> | 1,998,517,036.23 | <u>214,615,459.20</u> | 2,810,103,771.65 |
| Pinjaman | | | | | |
| Dalam Negeri | 6 | 17,676,943.00 | | 52,084,295.00 | |
| Luar Negeri | | <u>0.00</u> | 17,676,943.00 | <u>0.00</u> | 52,084,295.00 |
| Terimaan Modal | | | | | |
| Pelbagai Terimaan Modal | 7 | 19,891,958.50 | | 19,867,847.62 | |
| Jualan Instrumen Kewangan | 4 | <u>395,883,207.88</u> | 415,775,166.38 | <u>887,169,170.53</u> | 907,037,018.15 |
| Terimaan Lain | | | | | |
| Terimaan Amanah | 7 | <u>28,259,134.63</u> | 28,259,134.63 | <u>123,299,060.57</u> | 123,299,060.57 |
| Jumlah Terimaan | | | 2,460,228,280.24 | | 3,892,524,145.37 |
| BAYARAN | | | | | |
| Perbelanjaan Mengurus | | | | | |
| Emolumen | 5 | 448,483,157.18 | | 464,960,024.00 | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | 483,617,358.21 | | 497,595,571.50 | |
| Aset | | 14,485,989.76 | | 19,521,670.89 | |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | 342,444,432.47 | | 538,757,532.65 | |
| Perbelanjaan Lain | | <u>39,806,551.83</u> | 1,328,837,489.45 | <u>47,986,959.99</u> | 1,568,821,759.03 |
| Perbelanjaan Pembangunan | | | | | |
| Langsung | 7 | 1,407,127,157.27 | | 1,592,666,499.14 | |
| Pinjaman | | <u>19,872,961.37</u> | 1,427,000,118.64 | <u>39,079,629.10</u> | 1,631,746,128.24 |
| Perbelanjaan Modal | | | | | |
| Pembelian Instrumen Kewangan | 4 | <u>0.00</u> | 0.00 | <u>0.00</u> | 0.00 |
| Pinjaman | | | | | |
| Dalam Negeri | 9 | 11,951,181.79 | | 17,173,931.67 | |
| Luar Negeri | | <u>0.00</u> | 11,951,181.79 | <u>0.00</u> | 17,173,931.67 |
| Bayaran Lain | | | | | |
| Bayaran Amanah | | <u>0.00</u> | 0.00 | <u>0.00</u> | - |
| Jumlah Bayaran | | | 2,767,788,789.88 | | 3,217,741,818.94 |
| Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai | | | | | |
| Wang Tunai Pada 1 Januari | | | -307,560,509.64 | | 674,782,326.43 |
| | | | 725,101,697.53 | | 50,319,371.10 |
| WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER | | | 417,541,187.89 | | 725,101,697.53 |

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

| | Nota | 2018 | | 2017 |
|---|------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|
| | | Anggaran RM | Sebenar RM | Sebenar RM |
| HASIL | 5 | 2,250,000,000.00 | 1,998,517,036.23 | 2,810,103,771.65 |
| Tolak: | | | | |
| Belanja Mengurus | 5 | 1,460,000,000.00 | 1,340,788,671.24 | 1,585,995,690.70 |
| | | 790,000,000.00 | 657,728,364.99 | 1,224,108,080.95 |
| Tolak: | | | | |
| Belanja Pembangunan | 7 | 1,660,000,000.00 | 1,427,000,118.64 | 1,631,746,128.24 |
| | | (870,000,000.00) | (769,271,753.65) | (407,638,047.29) |
| DIBIAYAI OLEH: | | | | |
| Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri | | | 17,676,943.00 | 52,084,295.00 |
| Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan | | | 19,891,958.50 | 19,867,847.62 |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | | | 731,702,852.15 | 335,685,904.67 |
| | | | 769,271,753.65 | 407,638,047.29 |
| JUMLAH PEMBIAYAAN | | | 769,271,753.65 | 407,638,047.29 |

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2018

| | Nota | 2018 RM | 2017 RM |
|-----------------------------|------|------------------|------------------|
| MEMORANDUM ASET | 8 | | |
| Pinjaman Boleh Dituntut | | 1,294,927,616.86 | 1,187,598,276.48 |
| Pelaburan | | 191,103,697.00 | 191,103,697.00 |
| MEMORANDUM LIABILITI | 9 | | |
| Hutang Awam | | 1,103,363,775.45 | 1,120,908,762.00 |

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri Selangor, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

- iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan dan seumpamanya.
- d) Entiti Perakaunan Kerajaan Negeri Selangor adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Matawang yang digunakan dalam Penyata Kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas.

Wang Tunai pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| Perihal | 2018 RM | 2017 RM |
|-----------------------------|-----------------------|-----------------------|
| Wang Tunai Dalam Bank | 413,162,325.50 | 718,828,055.86 |
| Wang Tunai Dalam Perjalanan | 720,212.39 | 2,614,691.67 |
| Wang Tunai Dalam Tangan | 3,658,650.00 | 3,658,950.00 |
| JUMLAH WANG TUNAI | 417,541,187.89 | 725,101,697.53 |

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am serta dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

Pelaburan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| Perihal | 2018 Nilai Buku | | 2017 Nilai Buku | |
|---|--------------------------------------|-------------------------|--------------------------------------|-------------------------|
| | Pelaburan Kumpulan Wang Amanah | Pelaburan Am | Pelaburan Kumpulan Wang Amanah | Pelaburan Am |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelaburan Tabung Warisan Negeri Selangor | 607,664,745.99 | - | 578,903,999.79 | - |
| Pelaburan Tabung Amanah Bencana Alam | 62,420,102.51 | - | 60,712,779.81 | - |
| Pelaburan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor | 39,342,943.01 | - | 25,694,219.79 | - |
| Jaminan Bank Pertanian Malaysia | - | 10,000,000.00 | - | 10,000,000.00 |
| Saham* | - | 262,406,502.00 | - | 262,406,502.00 |
| Deposit Dalam Negeri | - | 736,000,000.00 | - | 1,176,000,000.00 |
| Jumlah | 709,427,791.51 | 1,008,406,502.00 | 665,310,999.39 | 1,448,406,502.00 |
| JUMLAH PELABURAN | 1,717,834,293.51 | | 2,113,717,501.39 | |

Nota (*)- Pelaburan saham hendaklah dibaca bersekali dengan Penyata Memorandum Pelaburan (F2)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| Perihal | 2018 | | | 2017 | |
|--|-------------------------|-------------------------|---------------|-------------------------|---------------|
| | Anggaran RM | Sebenar RM | % Anggaran | Sebenar RM | % Anggaran |
| BAKI PADA 1 JAN | | 1,082,363,210.15 | | 1,450,921,628.34 | |
| HASIL | | | | | |
| Hasil Cukai | 642,749,000.00 | 654,540,858.44 | 101.83 | 666,380,215.94 | 105.89 |
| Hasil Bukan Cukai | 1,393,621,000.00 | 1,061,514,501.70 | 76.17 | 1,929,108,096.51 | 112.88 |
| Terimaan Bukan Hasil | 213,630,000.00 | 282,461,676.09 | 132.22 | 214,615,459.20 | 101.39 |
